

**KAJIAN PENGGUNAAN DAN IKATAN SEMUTAR  
DI KELANTAN**

**SITI IRYANA BINTI NORDIN**

**PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA  
MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2011**

**PENGAKUAN**

**Saya mengaku disertasi ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nurkilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.**

**Tarikh :  
18 Januari 2012**

**Siti Iryana binti Nordin  
C08A097**



## **PENGHARGAAN**

**Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta sahabat baginda yang terpilih.**

**Pertama sekali saya bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan I dan II (CFT 3124, CFT 4134). Terima kasih tidak terhingga kepada semua individu yang telah membantu saya melaksanakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.**

**Terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Farok bin Zakaria selaku penyelia untuk projek penyelidikan I dan II kerana telah memberi banyak tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan projek ini.**

**Ucapan terima kasih juga kepada responden-responden yang banyak memberi kerjasama kepada saya semasa menjalankan kajian. Dengan bantuan dan kerjasama tersebut saya dapat menyiapkan kajian dalam masa yang di tetapkan.**

**Penghargaan terima kasih juga kepada ahli keluarga yang banyak membantu dalam memberikan sumbangan dan pertolongan terutamanya dari segi kewangan, nasihat serta dorongan, terutama kepada ibu bapa dan adik adik saya, Serta ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang sudi membantu saya dalam menyiapkan kajian ini serta segala bantuan yang berkaitan.**

**Terima kasih semuanya.**

## ABSTRAK

Negeri Kelantan sememangnya terkenal dengan kekayaan seni warisan tradisi dan budaya Melayu lama yang menjadi identiti dan kebanggaan bangsa Melayu hingga ke pelusuk dunia. Tidak ketinggalan juga seni pemakaian bangsa kita, yang menjadi tunjang dan pencerminan bangsa, agama, dan negara. Namun ada sesetengah seni warisan dalam konteks pemakaian kini telah mengalami era kepupusan hari demi hari. Begitu juga dengan pemakaian semutar yang dahulunya dapat dilihat dimana sahaja terutamanya di negeri - negeri pantai timur khususnya di negeri Kelantan. Kini pemakaian semutar amat jarang dan sukar dan dilihat. Semutar yang bermaksud pakaian kepala atau kain ikat atau kain pengikat kepala kaum lelaki bagi masyarakat Kelantan atau dengan lebih jelas lagi, ia merupakan pakaian lilit kepala bagi golongan bawahan atau rakyat biasa yang tinggal dikampung. Biasanya kain semutar menggunakan ikatan kain lepas, batik dan juga tuala.

Pada masa kini pemakaian semutar amat jarang kelihatan terutama bagi generasi baru. Ia hanya kelihatan di pakai oleh warga tua contohnya petani, nelayan, peraih, tukang, penarik beca dan juga pesilat-pesilat pulut dalam majlis-majlis tertentu sahaja. Pemakaian semutar dalam masyarakat Kelantan melambangkan pekerjaan sipemakainya iaitu bersesuaian dengan keadaan dan situasi sesebuah tempat kerja. Biasanya semutar akan dibuka semula untuk menyapu peluh atau pun digunakan untuk mengipas badan apabila berehat dari bekerja disamping bertujuan untuk melindungi diri dari panas terik cahaya matahari. Pada asalnya pakaian kepala ini bertujuan untuk mengawal rambut tetapi lama kelamaan cara melilit kepala dengan kain menempuh evolusi berasaskan demografi serta perkembangan sosio-ekonomi dan budaya sehingga menjadi satu kesenian bangsa Melayu yang

terkenal. Budaya Melayu sebenarnya memiliki nilai-nilai estetika tersendiri yang tercermin daripada kelembutan dan kefahaman masyarakat melalui penggabungan dan penghayatan perasaan, pemikiran, ungkapan dan perlakuan. Berasaskan kepada elemen-elemen dan kehalusan adat budaya inilah masyarakat Melayu muncul dan menyerlahkan pelbagai gubahan seni yang indah-indah, termasuklah semutar salah satu daripadanya. Semutar bukan sahaja menjadi pelengkap kepada pakaian yang akan kelihatan kemas, lengkap dan menarik, tetapi ia juga dapat mengungkapkan nilai estetik, falsafah dan kegunaan yang sangat menarik untuk diterokai.

## ABSTRACT

Kelantan is famous for its rich tradition and cultural heritage of the ancient Malay identity and pride of the Malay race to the world. We could also use our nation's art, which is the backbone and a reflection of race, religion, and national. But there are some artistic heritage in the context of the era of the application has suffered extinction day by day. Similarly, the application of previously semutar can be seen everywhere, especially in the state - especially on the east coast states of Kelantan.

Now the application is extremely rare and difficult semutar and be seen. Semutar which means the head of clothing or cloth belt or cloth headbands for the people of Kelantan men or more precisely, it is a garment for the lower miter or ordinary people who live dikampung. Usually semutar cloth using fabric ties last year, batik and towels.

At present the application semutar rarely seen, especially for future generations. It is only seen in elderly contohnaya adopted by farmers, fishermen, wholesaler, artisans, rickshaw drivers and the PPS-PPS rice in special occasions only. Application of the people of Kelantan semutar sipemakainya work represents the appropriate in the circumstances and situations of the workplace. Usually semutar will be reopened to wipe sweat or even used to flutter when the rest of the body working well to protect themselves from the scorching sun.

This head dress originally intended to control the hair, but eventually the head with a cloth wrapped around the way through evolution based on the demographic and socio-economic and cultural arts to become a famous Malay race. Malay culture actually has its own aesthetic values that are reflected from the tenderness and understanding and appreciation mesyarakat through the merger of feelings, thoughts, expressions and perlakuan. Berasaskan to the elements and the

**softness of this culture of the Malay community emerged and highlight the various compositions of art beautiful , including one of semutar.Semutar not only complement the clothes that would look neat, complete and interesting, but it also can reveal aesthetic, philosophical and uses very interesting to explore.**



## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii - iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v - vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii – xi</b>
<b>BAB 1</b>	
<b>Pengenalan</b>	
1.1 Konsep Pakaian	1 - 3
1.2 Hiasan Kepala	3 - 5
1.3 Semutar Masyarakat Kelantan	5 - 6
1.4 Simbolik Ikat Kepala	6 - 7
1.5 Objektif Kajian	7 - 8



1.6	Pernyataan Masalah	8
1.7	Kerangka Teori	9 - 10
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Kepentingan Kajian	12
1.10	Batasan Kajian	13 - 14
1.11	Terminologi	15
1.12	Struktur Kajian	16 - 17
<b>BAB 2</b>		
<b>KAJIAN LITERATUR</b>		
2.0	Pengenalan	18 - 20
2.1	Definisi Lilitan dan Hiasan Kepala	20 - 21
2.2	Jenis – Jenis Lilitan Kepala	21 - 22
2.3	Pakaian Kepala	23 - 29
2.4	Pakaian dan Budaya	29 - 35
2.5	Simbol	35 - 39
<b>BAB 3</b>		
<b>KAEDAH PENYELIDIKKAN</b>		

3.0	Pengenalan	41 - 42
3.1	Kaedah Pengumpulan Data	42 - 43
3.1.1	Data Primer	43
3.1.2	Data Sekunder	43
3.2	Kajian Lapangan	44
3.2.1	Temubual	44 - 47
3.2.2	Pemerhatian	48 - 49
3.2.3	Kaedah Tinjauan	49 - 50
3.2.4	Sumber Digital	50 - 51
3.2.4.1	Audio Visual	51
3.2.4.2	Konvensional	51
3.3	Kajian Perpustakaan	
3.3.1	Sumber Perpustakaan	52 - 53
3.3.2	Kajian Ilmiah	53
3.3.3	Akhbar dan Majalah	54
3.3.4	Kamus	54

**BAB 4**

**DAPATAN KAJIAN**

4.0	Penggunaan Semutar	56 - 57
4.1	Jenis Kain atau Fabrik	57 - 58
4.2	Jenis-jenis Semutar	58
4.2.1	Semutar Tukang	59
4.2.2	Semutar Gadoh atau Loghat	59 -60
4.2.3	Semutar Anak Gayong	
4.2.3.1	Runduk Penuh	60
4.2.3.2	Runduk Hujung	61
4.2.4	Semutar Pendekar	61
4.2.5	Semutar Anak Pondok	62 -63
4.2.6	Semutar Jangok atau Agas	63
4.2.7	Semutar Petani	64
4.3	Jenis Ikatan dan Lilitan Semutar.	65 - 67
4.4	Cara Melilit dan Mengikat Semutar Petani	68 - 71
4.5	Fungsi dan Penggunaan Semutar	71

4.5.1	Cuaca	72
4.5.2	Penampilan diri	73
4.5.3	Alat bantuan kecederaan	73
4.5.4	Senjata dan alat mempertahankan diri	74
4.5.5	Alat serbaguna	75
4.6	Analisis Dapatan Umum Penggunaan Semutar	
4.7	Dapatan Temubual Bersemuka	
4.7.1	Responden 1 : En Mamat (Pok Mat), pembawa beca di Bandar Kota Bharu.	77 - 78
4.7.2	Responden 2 : En. Zakaria (Pok Ya), penduduk Kg. Seneng Jelawat, Bachok.	78 - 79
4.7.3	Responden 3 : En. Abdullah bin Awang, nelayan di Pengkalan Petah, Bachok.	80 - 81
4.7.4	Responden 4 : En. Mohd Nasir bin Hassan, guru Sek. Men. Keb. Badak, Bachok.	82
4.7.5	Responden 5 : En. Ismail bin Idris, petani di Kg. Beris Lalang, Bachok.	83 - 84
4.8	Analisis Dapatan Temubual Bersemuka	85

**BAB 5**

**RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0	Rumusan	91
5.1	Cadangan dan Saranan	
5.1.1	Seminar	92
5.1.2	Pertandingan	92
5.1.3	Peranan Muzium	92
5.1.4	Media Cetak (Penerbitan)	93
5.1.6	Institusi Pendidikan	93
5.1.6	Media Elektronik	93
5.1.7	Sektor Pelancongan	93
5.1.8	Sektor Pengeluaran dan Pemasaran	94
5.1.9	Peranan Media Elektronik	94
5.2	Kesimpulan	95

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>96 - 98</b>
--------------------	----------------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>99 - 101</b>
-----------------	-----------------



## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Konsep Pakaian

Pakaian merupakan salah satu aset penting dalam kehidupan semua bangsa manusia. Pakaian memainkan peranan yang amat penting kerana ia merupakan antara keperluan asas manusia bagi menampung kehidupan yang lebih sempurna. Nabi Allah Adam dan Siti Hawa semasa 'dilontar' oleh Allah ke dunia dahulu, tidak memakai sehelai pakaian pun. Akibat perasaan malu yang sedia ada dalam

jiwa seseorang insan, maka daun-daun kayu telah dijadikan bahan untuk menutup bahagian-bahagian sulit pada tubuh mereka. Semenjak itu manusia tidak menoleh ke belakang lagi, seterusnya telah berusaha dan mencuba berbagai-bagai bahan untuk dijadikan pakaian.

Dalam Al-Qur'an terdapat ayat dalam beberapa surah yang menyentuh tentang pakaian, umpamanya, ayat 26, surah al-Araaf yang bermaksud, "*Hai anak Adam! Sesungguhnya kami telah turunkan pakaian kepada kamu untuk menutup aurat dan untuk perhiasan*". Ayat ini menunjukkan bahawa manusia yang dikehendaki Tuhan telah terdorong untuk menghasilkan pakaian dan perhiasan daripada bahan asli yang sedia ada di muka bumi ini. Di sebalik itu, ada juga golongan manusia yang hidup sehingga hari ini tanpa budaya berpakaian, malah tanpa merasa malu. Sesungguhnya mereka yang tergolong dalam kategori ini tiada menerima hidayat daripada Tuhan.

Pakaian, mengikut istilah dalam kamus dwibahasa Oxford Fajar, dalam bahasa Inggeris ialah "*clothes: things worn to cover the body, clothing: attire, apparel, garb, dress, outer clothing, outfit*. Manakala memakai pula ialah *caulk, stop up (a ship's seams) with waterproof material or by driving edges of plating together*".

Tujuan berpakaian bukan semata-mata untuk kelihatan cantik, bahkan bagi bangsa yang lahir daripada peradaban yang berlainan, mereka ingin menonjolkan seni kreatif dan tahap pencapaian teknologi masing-masing dalam bidang ini. Selain itu, pakaian bukan sahaja menjadi alat yang dipakai untuk membalut badan

dan melindungi tubuh daripada sebarang elemen seperti unsur alam yang boleh mengganggu kesihatan dan mencederakan anggota serta menyesuaikan suhu badan dengan cuaca, menjaga maruah diri dan memberikan keselesaan pergerakan sipemakainya, tetapi ia juga boleh menjadi penutup aurat yang sekaligus dapat menggambarkan budaya sesuatu masyarakat.

Pakaian menjadi simbol-simbol tertentu contohnya bertindak sebagai lambang status, darjat, identiti kaum, kepercayaan, ritual, keagamaan dan sebagainya. Setiap jenis pakaian mempunyai pelbagai jenis serta fungsinya yang bersesuaian dengan suasana, keadaan dan situasi pada sesuatu masa tertentu contohnya untuk bersiar-siar, menghadiri majlis tertentu, pakaian basahan, pakaian pekerjaan dan sebagainya yang dapat memberi gambaran tertentu tentang sipemakai.

## **1.2 Hiasan Kepala**

Hampir semua bangsa didunia ini sama ada primitif atau moden mempunyai dan memakai hiasan kepala. Maksud hiasan kepala ialah sebarang bahan pelindung yang dilekatkan pada mana-mana bahagian kepala seperti melilit kepala dengan pelbagai bahan seperti tali, kain, kulit, rumput, daunan dan sebagainya yang juga terdapat pada kaum-kaum primitif Afrika, pelaut-pelaut Polinesia, Indonesia dan Malaysia, pemburu-pemburu seperti orang asli Amerika dan lain-lain. Bangsa Melayu juga mempunyai hiasan kepala yang tersendiri. Pada mulanya berkemungkinan kepala dililit dengan kain untuk tujuan mengawal



rambut, tapi lama-kelamaan cara melilit kepala dengan kain menempuh perubahan dari segi fungsi yang berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain, dan sehingga ke hari ini ia menjadi satu hasil kesenian dan milik bangsa Melayu.

Kira-kira 3,000 tahun yang lalu masyarakat Mesir Purba memakai hiasan kepala. Kini hiasan kepala bukan sahaja dipakai oleh raja-raja Melayu malah raja-raja di benua Asia dan Eropah. Selain itu ia turut dipakai oleh para nelayan bangsa-bangsa lain di dunia, tidak terkecuali bangsa Melayu juga mempunyai hiasan kepalanya yang tersendiri. Pakaian kepala yang dipakai oleh raja sewaktu pertabalannya dan pengantin sewaktu persandingannya disebut destar atau tengkolok.

Mengenakan pakaian kepala, baik wanita ataupun lelaki, merupakan suatu tradisi dan adat yang sangat tua dalam budaya melayu. Malahan orang lelaki diwajibkan mengenakan pakaian kepala apabila ke istana menghadap raja kerana '*bergondol*' tanpa sebarang penutup kepala dianggap biadap atau melanggar adat dalam budaya melayu. Di kalangan lelaki melayu, gaya pakaian kepala pada awalnya ialah destar (*berasal dari perkataan Parsi yang bermaksud 'kain kepala'*). Destar yang juga disebut setangan, ialah sekeping kain berukuran kira-kira 80 cm persegi yang dilipat melintang dengan menemukan dua penjurunya supaya berbentuk segitiga, ia kemudian diikatkan di kepala dengan pelbagai cara. Sebilangan besar destar yang dipakai pada zaman dahulu ialah daripada batik Jawa atau jenis kain buatan asing yang lain.

Sejenis lagi pakaian kepala atau ikatan kepala lelaki melayu yang kebiasaannya dipakai oleh nelayan dan petani di Kelantan disebut 'semutar' yang berupa kain panjang berwarna-warni, bercorak bunga atau berkotak - kotak dan kira-kira dua hasta panjang yang dibelit pelbagai cara di kepala. Kain ini yang diperbuat daripada benang kapas yang berasal dari Siam dan lebih banyak dipakai di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Kain jenis lain, seperti kain batik, kain pelekat, tuala dan sebagainya, juga digunakan sebagai ikat kepala. Bagi mereka yang bekerja disawah, diladang dan juga dilaut, lelaki dan wanita umumnya, akan mengenakan pakaian kepala yang dipanggil semutar dan terendak yang lebih praktikal bagi melindungi diri daripada sinar matahari serta untuk pelbagai fungsi dan tujuan lain.

### **1.3 Semutar Masyarakat Kelantan**

Semutar bermaksud pakaian kepala, kain ikat atau kain pengikat kepala kaum lelaki bagi masyarakat Kelantan. Biasanya kain semutar menggunakan ikatan kain batik lepas, batik dan juga tuala. Pada masa kini pemakaian semutar amat jarang kelihatan terutama bagi generasi baru. Ia hanya kelihatan di pakai oleh petani, nelayan, peraih, tukang, penarik beca dan juga pesilat-pesilat pulut dalam majlis-majlis tertentu.

Semutar Kelantan berbeza dengan tanjak atau tengkolok. Biasanya tengkolok atau tanjak dipakai oleh golongan atasan atau untuk majlis-majlis berprestij. Nama-nama tengkolok juga adalah lebih hebat dan berprestij berbanding nama-nama semutar.

Pemakaian semutar dalam masyarakat Kelantan melambangkan pekerjaan sipemakainya. Biasanya semutar akan dibuka semula untuk menyapu peluh atau pun digunakan untuk mengipas badan apabila berehat dari bekerja disamping bertujuan untuk melindungi diri dari panas terik cahaya matahari. Berbeza sekali dengan tengkolok yang telah dibuat kekal untuk menampakkan kehebatan ikatannya. Kebiasaannya nama semutar akan diberikan berdasarkan jenis pekerjaan ataupun akan diberikan oleh sipemakai itu sendiri.

#### **1.4 Simbolik Ikat Kepala**

Ikat (*solek*) kepala yang dikenali sebagai bulang hulu, setangan kepala, tanjak, semutar, destar, jastar, dan tengkolok yang begitu bermakna dalam pemakaian cara Melayu. Istilah tengkolok umumnya sering terdapat dalam teks sastera dan terkenal di Perak, setanjak terkenal di Selangor dan destar di Negeri Sembilan. Semuanya merujuk pakaian yang diikat dan dipakai diatas kepala khususnya dalam upacara dan adat istiadat (*sebagai kelengkapan pakaian raja dan pengantin*). Tengkolok atau destar pula terdiri daripada berbagai-bagai jenis reka bentuk (*bahan, teknik, reka corak atau susun ikat*) yang mempunyai makna dan

dianugerahkan menurut status dan kedudukan masing-masing. Bentuk destar lebih terkenal di Minangkabau dengan istilah destar berkerut yang dipakai oleh ketua pemimpin adat (*datuk penghulu*) sebagai simbol kewibawaan pemimpin.

Ikat kepala ini bukan sekadar menjadi objek hiasan atau simbol estetik seperti yang dikemukakan oleh Cirlot (1985), malah mempunyai nilai simbolik dengan ciri makna konvensional dan instrintik. Ia menjadi salah satu peralatan budaya penting dalam adat istiadat penganugerahan. Perkara yang menarik tentang simbolisme ikatan kepala ialah persamaan istilah solek yang digunakan walaupun bentuk solek atau ikatannya tidak sama.

### **1.5 Objektif Kajian**

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mengetahui dan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang penggunaan dan teknik ikatan semutar dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya di Kelantan. Secara khususnya pula, objektif kajian ini bertujuan untuk :

- i. Mengetahui dengan lebih jelas berkenaan jenis-jenis, fungsi, dan ciri-ciri semutar.
- ii. Membuat perbandingan di antara jenis-jenis dan fungsi semutar.
- iii. Mengkaji bagaimana setiap jenis semutar memperoleh nama dan gelarannya yang tersendiri.

- iv. Mengemukakan langkah-langkah yang sewajarnya yang harus diambil dalam menangani persoalan ini.

## **1.6 Pernyataan Masalah**


- 1.6.1 Masyarakat kini berlumba-lumba mengejar kemajuan dan kemodenan sehingga melupakan satu daripada seni warisan yang kita miliki di samping turut melupakan identiti dan jati diri bangsa melayu.
- 1.6.2 Kurangnya kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang semutar menyebabkan seni pemakaian semutar semakin kurang dipraktikkan oleh generasi muda, penggunaannya hanya dapat dilihat dalam kalangan generasi tua.
- 1.6.3 Perubahan dan perkembangan tahap kemodenan masyarakat menyebabkan munculnya '*material*' baru yang menggantikan semutar seperti topi dan sebagainya memberi kesan besar kepada pemakaian semutar.
- 1.6.4 Adakah keindahan pakaian tradisional yang diwarisi sekian lama turut berkubur bersama arus peredaran zaman yang begitu pantas berlalu?

## 1.7 Kerangka Teori

Pemakaian pakaian tradisi Melayu pada masa kini sudah hampir pupus kerana kebanyakan masyarakat zaman kini tidak meminati pakaian bercirikan tradisional. Masyarakat kini terutamanya generasi muda sudah tidak lagi beminat untuk mengetahui secara mendalam tentang pemakaian tradisi melayu yang diamalkan oleh nenek moyang sejak dahulu kala di samping itu mereka turut merasakan bahawa memakai pakaian tradisi adalah sesuatu yang kolot dan ketinggalan zaman tanpa mengetahui tentang keistimewaan tentang ketinggian nilai estetika yang terdapat dalam pemakaian orang melayu dahulu.

Kesedaran dan pengetahuan masyarakat kini tentang pemakaian semutar semakin tipis kerana sebagai contoh, kini terdapat pelbagai barangan dan 'material' moden dan lebih canggih dan lebih mudah dan ringkas serta mengikuti fesyen semasa tetapi tetap mempunyai fungsi gunaan yang sama. Selain itu juga, pemakaian semutar hanya boleh dilihat dalam kalangan petani-petani, nelayan, penarik beca dan tukang-tukang dalam kalangan masyarakat kampung sahaja.

Generasi kini juga tidak mengambil berat dan mengetahui tentang keistimewaan, keunikan, kehalusan serta ketinggian nilai estetika yang terdapat dalam pemakaian orang melayu dahulu. Dengan tiadanya pewaris atau generasi baru yang mempraktikkan pemakaian serta ketiadaan kajian mendalam dalam pemakaian semutar akan membawa kepada kepupusan seni tradisi dalam ciri pemakaian masyarakat Melayu.



**Rajah 1: Kerangka Teori**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Skop Kajian

Skop kajian adalah ruang lingkup kepada kajian yang dijalankan. Orang ramai berpendapat bahawa budaya masyarakat Melayu mempunyai keunikan dan kelebihan yang tersendiri. Keunikan dalam pemakaian semutar dapat dilihat dan dihayati melalui pelbagai aspek. Skop dalam kajian ini ialah mengenai penggunaan dan ikatan semutar dalam kalangan masyarakat Kelantan yang tertumpu kepada jenis-jenis semutar, teknik ikatan, simbol, jenis fabrik atau kain yang digunakan oleh kaum lelaki di negeri Kelantan.

Selain itu juga, kajian ini akan dilakukan dalam kalangan masyarakat yang menggunakan dan memakai semutar yang terdiri daripada petani, nelayan, tukang, pemanjat kelapa, pemain gasing, pemain wau, penarik beca dan juga pesilat-pesilat pulut. Dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan kajian disekitar bandar dan kampung yang terdapat di sekitar Kota Bharu dan di Bachok, Kelantan. Kawasan tersebut terdiri daripada sekitar bandar, kampung, lokasi pertanian seperti kawasan sawah padi, pantai, jeti tempat persinggahan nelayan dan kawasan pusat perniagaan (*pasar*).

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN



## 1.9 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghayati sedikit sebanyak perihal semutar antaranya ialah jenis-jenis semutar, simbol, jenis fabrik atau kain yang digunakan serta ciri-ciri semutar yang boleh dikatakan “*tak lapok dek hujan tak lekang dek panas*”. Namun, jika dilihat dari perkembangan semasa, didapati generasi masa kini seolah-olah lupa akan hal itu dan menampakkan pengabaian mereka terhadap budaya pemakaian tradisional melayu. Kerakusan generasi kini dalam mentakrifkan erti kemodenan telah meminggirkan budaya dan adat berzaman yang dapat dilihat daripada kewujudan pelbagai bahan atau barangan yang mempunyai ciri dan fungsi yang hampir sama dengan semutar contohnya songkok, tarbus, ketayap, kopiah, topi dan banyak lagi.

Pengkaji juga melihat kepentingan kajian ini untuk masyarakat terutamanya kepada generasi muda pada masa kini dalam pengetahuan dan kesedaran masyarakat tentang pemakaian semutar. Masyarakat kini perlu menjaga kekayaan dan keistimewaan semutar agar tidak pupus di telan zaman kerana pakaian tradisi amat berkait rapat dengan kehidupan dan sistem budaya masyarakat Melayu. Selain itu juga kepentingan kajian tersebut adalah untuk memberi sumber rujukan kepada pelajar-pelajar bagi mendapatkan maklumat serta pengetahuan tentang keistimewaan dan nilai jati diri masyarakat melayu walaupun dalam konteks pemakaian semutar.

### 1.10 Batasan Kajian

Terdapat batasan dan kekangan semasa pengkaji menjalankan kajian mengenai penggunaan dan ikatan semutar. Batasan dan kekangan kajian ini merupakan satu masalah yang dihadapi dan mengganggu kajian pengkaji dalam mengumpul maklumat. Antaranya masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah:

- i. Kekangan masa yang terhad untuk menjalankan kajian dan tinjauan. Pengkaji terpaksa *mencuri* dan mengejar masa yang terluang disebabkan oleh jadual pembelajaran yang padat.
- ii. Kekurangan sumber dan bahan rujukan berkenaan dengan semutar. Pengkaji terpaksa membuat olahan dan penulisan sendiri berdasarkan sumber hasil daripada tinjauan dan temubual yang diperolehi.
- iii. Masalah sumber kewangan seperti kos perjalanan untuk membuat kajian. Pengkaji telah mengeluarkan kos perbelanjaan yang agak besar antaranya kos perjalanan, makanan, minuman, yuran dan bayaran masuk ke tempat kajian.
- iv. Dalam kajian tentang semutar ini juga pengkaji menghadapi masalah untuk mencari lokasi kajian yang tepat dan sesuai. Pengkaji terpaksa merayau-rayau di sekitar bandar dan pelusuk kampung untuk memperoleh maklumat dan bukti yang sahih dan benar.
- v. Gelagat responden iaitu pengkaji mengalami kesukaran untuk berkomunikasi untuk mendapatkan maklumat dari responden yang kebanyakannya terdiri daripada golongan berumur, selain daripada

bahasa (*loghat*) yang sukar untuk difahami diantara pengkaji dan responden.

- vi. Tiada kerjasama daripada pihak atau individu yang ingin di temubual contohnya individu seperti petani, nelayan, tukang, penarik beca, orang ramai serta masyarakat kampung.
- vii. Kesukaran mencari dan bertemu responden. Pengkaji terpaksa bersabar dan meluangkan banyak masa untuk mencari responden kerana pada masa kini tidak ramai orang yang masih memakai semutar.

## 1.11 Terminologi Kajian

### 1.11.1 Kajian

Kajian ialah kegiatan ( *usaha, proses* ) mengkaji tentang sesuatu topik yang di pilih. Dalam penyelidikan ini pengkaji membuat kajian terhadap penggunaan dan ikatan semutar di Kelantan.

### 1.11.2 Penggunaan

Penggunaan melalui kata akar guna bermaksud yang menunjukkan perlakuan untuk memegang atau memeralatkan sesuatu objek atau bahan.

### 1.11.3 Teknik

Teknik ialah gaya, kaedah atau cara yang digunakan dalam pengasilan dan pembuatan sesuatu objek.

### 1.11.4 Ikatan

Ikatan ialah satu cara untuk menghubungkan, mendekatkan dan merapatkan serta menghasilkan sesuatu objek.

### 1.11.15 Semutar

Semutar bermaksud pakaian kepala atau kain ikat kepala bagi masyarakat Kelantan.

### 1.12. Struktur Kajian

Dalam kajian ini pengkaji cuba menerangkan tentang lima bab yang penting. Antaranya ialah pengenalan termasuk kertas cadangan, kajian literatur, kaedah kajian, dapatan kajian dan kesimpulan serta cadangan.

Bab pertama pengkaji cuba menerangkan tentang kertas cadangan dan pengenalan. Kajian merupakan proses yang saintifik dan sistematik. Kajian yang bersifat emperikal memerlukan perancangan yang teliti untuk mencapai hasil kajian yang terbaik. Dalam perancangan, kertas cadangan merupakan satu keperluan kerana ia menjadi asas tindakan menjalankan kajian. Di dalam proposal pengkaji menerangkan secara umum tentang sesuatu tajuk yang ingin dikaji .Di dalam kertas cadangan kajian ini juga terdapat beberapa perkara yang diperbincangkan antaranya ialah pengenalan, objektif kajian, kajian literatur, pernyataan masalah, teori kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, batasan kajian, terminologi dalam kajian, struktur kajian serta kesimpulan kajian.

Bab dua pula,pengkaji membincangkan tentang kajian literatur iaitu kajian daripada orang – orang terdahulu atau kata-kata yang dikeluarkan oleh seseorang atau tokoh tentang sesuatu yang telah dikaji sebelum ini. Pandangan daripada tokoh-tokoh yang terkenal mengenai topik yang cuba dikaji oleh pengkaji merupakan amat penting dalam mendapatkan maklumat dan data yang sahih dan tepat. Dalam bab dua juga pengkaji menerangkan tentang tajuk yang di kaji berpandukan pandangan daripada orang yang terkenal dan berpengalaman berkenaan topik yang di kaji.

Bab tiga pula ialah pengkaji membincangkan tentang kaedah kajian. Kaedah kajian amat penting dalam membuat sesuatu kajian. Antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah pemerhatian, temubual, soal selidik, rujukan perpustakaan, sumber internet dan kaedah digital. Dengan adanya kaedah tersebut, pengkaji akan mendapat maklumat dan data dengan cepat serta proses kajian dapat dijalankan dengan baik.

Bab empat pula ialah berkenaan dengan dapatan kajian. Dalam membuat kajian pengkaji akan memfokuskan kepada beberapa aspek yang penting sahaja. Dalam dapatan kajian pengkaji akan menghuraikan secara terperinci tentang tajuk dan objektif kajian. Dapatan kajian merupakan maklumat utama yang cuba dibahaskan dalam kajian penyelidikan pengkajian. Dengan jelasnya dapatan kajian, objektif kajian pengkaji akan tercapai dan sekaligus akan menjayakan kajian pengkaji berkenaan topik yang dipilih.

Bab yang terakhir dalam kajian pengkaji ialah kesimpulan dan cadangan. Dalam bab tersebut pengkaji perlu membuat kesimpulan secara keseluruhan berkenaan dengan topik kajian pengkaji. Di dalam kajian ini, pengkaji mengulas atau menyimpulkan berkenaan dengan penggunaan dan ikatan semutarak di Kelantan dan juga memberikan cadangan atau langkah - langkah yang boleh dilaksanakan dalam menangani isu dan masalah ini.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Pada umumnya pakaian kepala terdiri daripada pelbagai jenis nama dan gelaran tetapi tetap mempunyai fungsi dan guna yang sama iaitu untuk menutup dan melindungi kepala walaupun pada asalnya ia bertujuan untuk mengawal rambut tetapi lama-kelamaan cara melilit kepala dengan kain menempuh evolusi berasaskan demografi serta perkembangan sosio-ekonomi dan budaya sehinggalah menjadi satu kesenian bangsa Melayu yang terkenal dan berharga.

Terdapat golongan-golongan yang memberi pandangan positif terhadap pemakaian semutar atau di panggil juga pemuntal, setangan kepala, kain ikat kepala, tengkolok serta banyak lagi nama dan gelaran bagi semutar. Mereka berpendapat bahawa kita tidak sepatutnya melupakan satu daripada seni warisan yang kita miliki sejak lama dahulu dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi identiti dan jati diri bangsa melayu.

Ada juga mengatakan budaya Melayu sebenarnya memiliki nilai-nilai estetika tersendiri yang menjadi cermin kepada kelembutan dan kefahaman masyarakat melayu melalui penggabungan dan penghayatan perasaan, pemikiran, ungkapan dan juga perlakuan. Selain itu, ada juga pendapat yang mengatakan pakaian memainkan peranan yang amat penting, ia bukan sahaja menjadi alat pelindung atau mencantikkan tubuh, tetapi turut berfungsi melindungi diri daripada unsur alam yang boleh mengganggu kesihatan sipemakai sekaligus dapat menggambarkan budaya sesuatu bangsa, seperti mana yang terdapat dalam sebuah puisi yang ditulis oleh Wan Yahaya Abdullah (2004) dalam bukunya yang bertajuk *Destar* iaitu ;

---

*“Sekali bernama destar,*

*Duanya bernama tanjak,*

---

*Ketiga bernama tengkolok,*

*Yang di ujung kepala,*

*Yang dipakai berpatut-patut,*



*Yang beradat berlembaga,*

*Yang beradat berketurunan,*

*Yang dijaga dipelihara,*

*Yang bertempat-berempatan,*

*Yang ada asal usulnya.”*

## **2.1 Definisi Lilitan dan Hiasan Kepala**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat :

1. Lilit – lingkaran (sping jam, ular sedang tidur, sesuatu yang membelit (*ikatan*), belit, jahitan yang dimatikan dengan menyimpulkan benang tiga.
2. Lilitan – keliling (*sesuatu kawasan*, *garisan yang menyempadani sesuatu kawasan*).
3. Selilit – sekali lilit, hanya satu lilitnya, kelengkeng, sekeliling, sebelit
4. Belilit – berada dalam keadaan melingkari sesuatu, berbelit.
5. Berlilitkan – menggunakan atau memakai sesuatu sebagai lilit.
6. Meliliti – membelit pada, membeliti.
7. Melilitkan – membelitkan, melingkarkan .
8. Pelilit – sesuatu (*tali, kain*) yang digunakan untuk melilit.
9. Hiasan – segala yang digunakan untuk menghiasi sesuatu.

Maksud hiasan kepala juga ialah sebarang bahan pelindung yang dilekatkan pada mana-mana bahagian kepala dengan tali, kain, kulit, rumput dan sebagainya.

## 2.2 Jenis – jenis Lilitan Kepala

1. Destar
2. Tengkolok
3. Tanjak
4. Setangan
5. Semutar
6. Pemuntal / Puntal
7. Bulang Hulu
8. Kain Ikat

Destar mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat bermakna setangan kepala, tengkolok, tanjak, kain (*ikat*) kepala, destar beranting-anting, destar berapi-api adalah destar yang biasanya dipakai oleh penari-penari, destar bertatah adalah destar yang disematkan perhiasan yang disebut jata, destar hitam berkotak adalah untuk penghulu adat, destar pelangi adalah destar yang beraneka warna, destar tebu setuntung dan lain-lain.

Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan memberi makna destar ialah pemuntal, setangan kepala, kain ikat kepala, tanjak, tengkolok, saluk atau sapu tangan.

Destar ialah kain penutup kepala, bulang hulu, tengkolok, setangan kepala ataupun tanjak sama dengan definisi yang diberikan oleh Kamus Umum Bahasa Indonesia yang menyamakan destar dengan kain kepala atau tengkolok.

Definisi destar juga boleh diberi berdasarkan kepada fungsi dan reka bentuknya. Pada umumnya, destar ialah sejenis akain penutup kepala orang lelaki yang dipakai oleh raja, orang-orang besar istana, pengantin dan pesilat. Mengikut catatan sejarah, destar dipakai oleh masyarakat Melayu khususnya raja-raja, golongan bangsawan dan masyarakat umum sejak kewujudan empayar Melayu Melaka pada abad ke-15.

Tengkolok pula ialah sejenis kain penutup kepala atau selubung penutup yang dipakai oleh lelaki.

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat tanjak adalah sejenis destar atau tengkolok, memakai tirus keatas (*destar, layar*), meruncing (*menganjur*) ke atas.

Setangan adalah sapu tangan (*kepala*), kain ikat kepala.

Semutar adalah sejenis kain pelilit kepala (*biasanya dipakai oleh orang lelaki*).

Pemuntal adalah kain yang dipuntal (*di kepala*), tanjak, destar dan tengkolok.

Bulang Hulu adalah kain yang dililitkan pada kepala, ikat kepala, tali yang dililitkan pada kepala sebagai ganti kain.

Kain ikat adalah barang tenunan yang digunakan untuk pakaian atau untuk kegunaan lain yang diikatkan (*tali, benang, kain*) di kepala.

### **2.3 Pakaian Kepala**

Menurut Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi (2003), dalam bukunya *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*, pengenalan unsur pakaian kepala, iaitu kain lilit kepala orang Melayu yang pada asalnya untuk tujuan menyimpan rambut panjang bukan sahaja dapat mengemaskan rambut yang mengembang tetapi juga melambangkan ketinggian maruah Islam yang baru mereka anuti. Di samping itu juga, kain lilit kepala boleh dijadikan bahan serbaguna seperti kain pembalut sekiranya luka di medan peperangan, kain pengesat peluh, kain basahan, pengalas tempat tidur, sejadah dan senjata untuk mengilas tikaman.

Orang Melayu yang mahir dalam seni kerja tangan mampu mengubah fungsi asal kain lilit kepala kepada suatu unsur pakaian yang lebih mengutamakan ciri-ciri estetika. Berbagai-bagai jenis tengkolok boleh dicipta dengan hanya mengubah lipatan dan ikatan atau disebut solekan kepada kain segi empat itu.

Tengkolok yang dipakai oleh orang Melayu Nusantara merupakan hasil jelmaan kebudayaan serumpun. Namun begitu daerah yang berlainan mempunyai rekabentuk yang berbeza, iaitu mengikut citarasa setempat. Pada masa dahulu, seseorang dagang dapat dikenali asal daerahnya daripada gaya atau cara dia memakai tengkolok atau lilitan kain dikepalanya.

Ada juga tengkolok yang dikhaskan kepada orang-orang tertentu seperti raja dan pegawai istana untuk melambangkan pangkat yang disandang. Terdapat beberapa buah tengkolok yang klasik dan yang digunakan turun-temurun oleh raja dan pegawai istana. Bentuk tengkolok yang klasik itu masih dipakai sehingga sekarang. Ini merupakan hasil daripada ciptaan yang harmonis dengan padanan nama yang indah, seindah ciptaan itu. Di setiap negeri, pemakaian tengkolok adalah berbeza dan perbezaan ini adalah dari segi bentuknya, ikatannya, nama ikatannya dan juga warnanya, yang kesemuanya ditentukan oleh sesuatu kedudukan, gelaran, status dan jawatan.

Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi (2003), ada mengatakan pada abad ke-20, orang Melayu tidak lagi mangamalkan pakaian kepala sebagai pakaian harian, kecuali penduduk Pantai Timur, khasnya di Kelantan. Mereka melilitkan kepala dengan kain kapas yang panjang, bentuknya berbeza daripada tengkolok tetapi lebih mirip kepada serban. Pakaian ini dinamakan semutar, iaitu daripada perkataan '*memutar*' kain di kepala, penggunaannya amat praktikal kepada penduduk Kelantan yang bekerja sebagai petani, penarik beca dan nelayan. Selain itu pemakaian semutar dapat menunjukkan sifat keberanian orang Kelantan yang

sentiasa bersiap sedia dan sentiasa berwaspada dalam menghadapi sebarang kemungkinan semasa menempuh kehidupan harian contohnya digunakan dalam waktu-waktu kecemasan. Walaupun semutar lebih mementingkan ciri fungsional daripada ciri estetika tetapi dalam keadaan tertentu, penggunaan kain yang berbagai-bagai warna dan kerencaman gaya lilitannya mampu melahirkan suasana yang unik lagi meriah.

Semutar seperti juga tengkolok mempunyai rekabentuk yang pelbagai, tetapi bagi semutar perbezaan pada rekabentuknya lebih tertumpu pada bidang pekerjaan atau aktiviti kelompok seperti petani, gaya semutarnya berlainan daripada gaya semutar nelayan, pesilat atau pemian muzik tradisional. Namun begitu, pengkhususan pada gaya semutar tidaklah ketara jika dibandingkan dengan pengkhususan pada ikatan tengkolok, yang berbeza di daerah yang berlainan. Walau bagaimanapun, kini rekabentuk semutar mahupun tengkolok menjadi bebas mengikut cita rasa individu. Orang Kelantan biasanya menggunakan kain nipis jenis kapas buatan Siam yang dinamakan kain batik lepas sebagai kain semutar mereka yang jelas menunjukkan ciri-ciri keperibadian orang Kelantan jati. Pemakaian semutar ini juga sering ditonjolkan dalam permainan gasing, wau, silat, wayang kulit dan sebagainya.

Menurut Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi (2003), mereka juga ada mengatakan bahawa pada mulanya ,orang biasa ditegah memakai pakaian lengkap, iaitu berbaju sarung dengan tengkolok, sebagaimana yang diarah oleh Sultan Muhammad Shah. Rakyat biasa hanya dibenarkan memakai ikatan ringkas

kain di kepala. Lama-kelamaan, tengkolok diterima menjadi pakaian umum orang Melayu, tetapi bentuk gubahannya ditegah menyerupai orang - orang kenamaan dan golongan raja-raja. Jenis kain yang digunakan juga tidak sama. Rakyat biasa hanya menggunakan kain murah yang termampu oleh mereka, seperti dalam tulisan R.O Winstedt: *“...tengkolok yang menjadi pakaian universal orang Melayu, sekurang-kurangnya satu abad yang lalu (abad ke- 18 dan ke-19) bagi rakyat biasa dan orang-orang kenamaan menggunakan kain batik, manakala raja-raja dalam majlis beristiadat menggunakan kain songket Batu Bara dan kain telepuk sutera”*.

Menurut Hassan Noel Ariffin (2003), pakaian lilit kepala seperti destar berasal daripada perkataan Parsi, manakala puntal bersering menurut Winstedt berasal dar Patani. Masyarakat dari Minangkabau sering menyebutnya sebagai destar sementara masyarakat berketurunan Bugis mengenali pakaian kepala ini sebagai tengkolok atau setanjak.

Wan Yahaya Abdullah (2004), dalam penulisannya yang bertajuk Bermulanya Tengkolok Melayu dari Melaka mengatakan seni rupa Melayu memang kaya dengan nilai seni. Seni rupa Melayu memperlihatkan ketinggian daya kreatif karyawan-karyawan Melayu. Setiap ciptaan yang dihasilkan menggambarkan secara lansung atau tidak lansung keadaan hidup masyarakat Melayu. Ringkasnya, hasil-hasil seni rupa Melayu dapat mencerminkan corak hidup dan jati diri masyarakat Melayu itu sendiri.

Menurutnya juga, masyarakat Melayu kini dilanda arus pemodenan dan kemajuan yang membawa kepada perubahan kebudayaan dan kesenian Melayu. Hasil seninya semakin dilupakan. Peralatan harian yang lebih moden telah diperkenalkan. Kebanyakan masyarakat Melayu hari ini mengenyepikan ciptaan tradisi tanpa mengambil kira nilai kesenian yang terselit di dalamnya. Implikasi daripada keadaan inilah yang menjadikan seni rupa Melayu semakin dilupakan. Pengaruh pakaian asing yang didatangkan dari luar negara seperti songkok, kopiah, topi, tarbus dan sebagainya telah mengambil tempat destar, semutar, tanjak dan pakaian kepala yang lain yang pada suatu dahulu menjadi pakaian ramai. Bagaimanapun destar agak bernasib baik kerana masih dimestikan pemakaiannya dalam upacara rasmi yang dihadiri oleh raja atau pembesar negeri. Selain itu, destar merupakan '*pakaian kepala*' yang juga dipakai oleh pengantin lelaki semasa menjadi '*raja sehari*'.

Destar yang ternyata unik bentuknya sarat dengan unsur simbolik di sebalik penciptaannya. Ia turut diresapi pengaruh Islam yang menyelitkan unsur falsafah yang tinggi reka coraknya. Rekabentuk, simbol dan ragam hias destar membuktikan betapa orang Melayu mempunyai daya cipta yang tinggi dalam menghasilkan sesuatu ciptaan.

Menurut Mahmud Ahmad (2002), dalam *Kebudayaan Sepintas Lalu: Pustaka Melayu Royal Press*, "Orang kebiasaan tidak boleh bertengkolok dan berbaju sarung, meskipun dipakai pada ketika berkahwin, melainkan jika dianugerah kebenaran atau pakaian oleh raja". Demikian juga tiada boleh



berpakaian cara “Keling”, melainkan orang yang sedia asal pakaiannya cara Keling, barulah boleh dipakainya pada ketika sembahyang ataupun berkahwin.”

Menurut Georgia Scoot (2003), dalam bukunya *Headwraps* ada mengatakan ‘*on the island of Boneo, indigenous peoples of Sabah and Sarawak developed their own turbans, calling them tanjaks, sigars, sundis and other names, depending on the ethic group. The way the men’s turbans are wound is similar to the way the tengkoloks are constructed. Sabah men use squares of colourful, handwoven cloth known as kain dastar, which is thicker than songket and produces bulkier, more varied turbans. Styles range from traditional headbands of folded fabric to more modern and creative turbans with wide folds and curves. They are mostly worn at weddings and traditional ceremonies. When traditional styles are called for young men often rely on the expertise of village elders*’.

Tulisan Georgia Scoot menyentuh bahawa di Kepulauan Borneo, masyarakat dari Sabah Sarawak menggunakan pakaian penutup kepala mereka sendiri dengan pelbagai nama antaranya ialah tanjak, sigar, sundis dan pelbagai lagi bergantung kepada kumpulan etnik. Cara mereka memakai turban sama dengan cara memakai tengkolok. Kaum lelaki di Sabah menggunakan kain yang berwarna-warni yang dikenali sebagai kain dastar, kain yang digunakan lebih tebal daripada variasi kain songket. Gaya lipatan dan pemakaian masih menggunakan teknik tradisional, tetapi penggunaan fabrik lebih moden dan kreatif dengan lengkungan lipatan yang lebih lebar. Sebahagian besar daripada mereka

memakai dan menggunakan turban pada hari perkahwinan. Apabila lelaki muda memakai dan menggunakan gaya tradisional mereka dianggap lebih pakar dan mahir daripada orang yang lebih berusia (tua).

#### 2.4 Pakaian dan Budaya

Menurut Azah Aziz (2006), dalam buku *Rupa dan Gaya* hasil penulisannya yang bertajuk “*Busana Melayu*” ada mengatakan “*ikatan tanjak yang segak dinamakan helang menyusur, belitan destar dan semutar yang gagah dinamakan singa menoleh*”. Beliau juga mengatakan bahawa melalui hasil pengumpulannya, beliau dapat melihat ciri-ciri, unsur-unsur, sifat-sifat, adat resam dan artifak yang dapat memancarkan nilai-nilai keindahan yang menjadi pengangan orang melayu sejak zaman silam.

Tenas Effendy (2004), menyebut tentang ungkapan Melayu yang mengatakan *adat memakai pada yang sesuai, adat duduk pada yang elok, adat berdiri tahukan diri*. Ungkapan ini mengandungi makna yang dalam, intinya memberi petunjuk bahawa setiap orang dituntut untuk meletakkan sesuatu pada tempatnya, berperilaku menurut alur dan patutnya. Dalam hal berpakaian hendaklah mengacu kepada asas ‘sesuai’ iaitu *sesuai pakaiannya, sesuai memakainya, sesuai cara memakainya, sesuai tempat memakainya, sesuai pula menurut ketentuan adat* atau yang ditegaskan lagi *elok baju kerana sejudu, elok pakaian kerana sepadan*.

Tenas Effendy dalam penulisannya juga ada mengatakan umumnya pakaian Melayu terdiri daripada dua jenis iaitu pakaian harian dan pakaian adat. Pakaian harian ialah pakaian yang lazim dipakai sehari-hari dalam kehidupan orang Melayu masa silam atau pakaian yang tidak dipakai di dalam upacara-upacara adat dan tradisi yang lain. Kelengkapan pakaian harian ialah baju, seluar atau celana, kopiah atau tutup kepala dan kain (kain sampin atau sesampin atau kain samping atau kain sarung biasa). Selain itu, terdapat juga jenis pakaian yang dikenali sebagai pakaian kerja, iaitu pakaian yang lazim dipakai untuk bekerja (petani, nelayan, buruh dan sebagainya) yang sifatnya kerja kasar baik bersama-sama mahupun peribadi. Pakaian ini lebih longgar dan selesa agar tidak mengganggu pekerjaan dan disesuaikan dengan pekerjaan yang dilakukan. Kelengkapan lainnya yang diserasikan dengan pakaian Melayu adalah tutup kepala yang lazimnya disebut kopiah. Dalam pakaian adat, kopiah boleh dan lazim diganti dengan tanjak atau destar yang bentuk ikatannya bermacam – macam ragam (misalnya *bentuk tebing runtuh*, *belah mumbang*, *tanjak laksamana* dan lain – lain).

Menurut Duncan (1969:57), makna intrinsik dalam pakaian memperlihatkan simbol kebesaran, bangsa, kekuasaan, pangkat, status, darjat, agama dan falsafah. Pakaian dan perhiasan dapat membezakan status, gaya dan cara hidup yang berlainan, “...*antara orang kaya, raja, rakyat, janda, dara, tuan, orang gaji...*”.

Menurut Graham W.A (1908), dalam bukunya, *Kelantan – A State Of The Malay Peninsular*, menggambarkan bahawa pakaian kaum lelaki di Kelantan amat ringkas dan mudah. Ia melibatkan tiga helai kain, yang pertama ialah kain lepas yang diikat dipinggang selubuh lutut, yang kedua ialah kain semutar yang dililitkan di kepala dan yang ketiga merupakan kain ikat pinggang yang boleh dijadikan tempat untuk menyelit senjata, menyimpan duit, sirih dan kapur atau tembakau. Inilah bentuk pakaian harian mereka tanpa mengira basah atau kering semuanya sama sahaja. Mereka tidak memakai kasut ketika meredah lumpur dan tidak ada baju khas untuk meredah hujan.

Menurut Obaidellah (1968:8), dalam *Hai Goa Kuan Chi*, “ ... rajanegeri dan rakyat negeri semuanya mengikut ajaran Hui Hui (Islam), sanggup berpuasa menahan lapar dan mengikut larangan Tuhan. Pakaian raja, iaitu menggunakan ‘kain Melayu nipis, berwarna putih, melilit kepala, berbaju kain hijau nipis berbunga seperti ‘baju jubah’, memakai kasut kulit...lelaki membungkus kepala dengan kain (destar), kaum perempuan mengikat sanggul di belakang, pakaian atas baju pendek, pakaian bawah (sarung) dililitkan dengan kain putih, sapu tangan berwarna warni”. Kutipan ini menunjukkan bahawa reka bentuk pakaian Melayu yang lengkap terdiri daripada tiga bentuk penting, itu kain sarung (‘kain Melayu’, kain putih), baju (pendek, jubah), dan kain ikat kepala. Kesedaran berpakaian dibantu pula dengan penggunaan simbolik bahan dan warna (berwarna putih / hijau nipis berbunga).

Menurut Buyong (1971:23), mengatakan gambaran ciri pakaian Melayu ikatan kepala (destar), kain sarung dan memakai baju. Kemasukan Islam tidak dipandang ringan oleh para penulis asing ketika itu. Orang Melayu Melaka adalah pengikut ajaran “Hui Hui” (agama Islam). Disamping menampilkan ciri-ciri Melayu, ‘memakai cara Melayu’ (*Hikayat Hang Tuah*, 51) diserapkan juga unsur agama atau pengaruh *Arab-Parsi*.

*“Raja memakai pakaian cara Melayu” yang bertengkolok. Setelah selesai sembahyang terawih raja pun berangkat kembali. Esok paginya barulah serban raja diarak ke masjid sebagai tanda bahawa baginda beragama Islam dan memuliakan agama Islam.*

Menurut Siti Zainon Ismail (1991), pakaian sebenarnya bukan sekadar bentuk kain dan baju sahaja, tetapi juga turut melingkungi seluruh aspek kehidupan masyarakat yang dilakukan dengan penuh istiadat dan juga meliputi beberapa perkara lain termasuk perilaku masyarakat, sikap dan hasrat untuk memelihara adat yang sedia ada. Maka dapatlah dikatakan bahawa sesuatu pakaian Melayu itu tidak akan bermakna jika tidak mencerminkan peribadi masyarakat Melayu. Beliau juga ada menyebut, dalam tradisi budaya, pakaian dihubungkan dengan upacara mengikut adat istiadat, bukan hanya berfungsi sebagai bahan hiasan tetapi turut mempunyai nilai simbolik dan estetik yang tersendiri.

Menurut Siti Zainon Ismail, pakaian, secara umumnya selalu dikaitkan dengan fungsi penggunaan. Ia dipakai untuk menutup tubuh bagi mengelakkan kesan panas atau dingin. Pada zaman prasejarah, manusia menggunakan bahan sederhana sebagai pakaian. Manusia mengolah bahan tersebut dari alam semulajadi, jalinan serat tumbuhan seperti rumput, lalang atau kulit binatang sehinggalah zaman munculnya peradaban benang dan proses menenun. Pakaian telah menjadi aspek budaya benda yang penting untuk meneruskan kehidupan. Begitu juga dengan tradisi pakaian di Wilayah budaya Melayu.

Pengertian 'Pakaian Tradisional Melayu' tidak terbatas kepada pemakaian kain dan baju sahaja. Ia adalah sebahagian kelengkapan adat istiadat masyarakat untuk memenuhi kehidupan yang meliputi nilai, norma dan keindahan budaya Melayu. '*Pakaian Cara Melayu*' memberi tumpuan kepada masalah mencari dan menentukan identiti budaya Melayu.

Wan Abdul Kadir (1993:72), dalam tulisannya yang menyentuh tentang pakaian dan perhiasan diri, beliau berpendapat bahawa pakaian dapat ditinjau dari perspektif budaya simbolik dan ekspresif. Kedudukan yang simbolik dan ekspresif itu tidak sahaja mencerminkan budaya sesuatu masyarakat itu, tetapi juga secara lansung menerangkan dari segi psikologi seseorang individu itu dalam komuniti masyarakatnya. Walau apapun, setiap perkara yang ditonjolkan oleh individu-individu itu, adalah bertetapan dengan budaya yang dimilikinya.

Menurut Rutter (1985), “*For the women, the normal dress is narrow, short petticoat reaching to the kness and girdled about the waist but a fold. Besides ornament and jewellery ,a coat or mantlecape may be worn, but additions of this sort are rather a matter of personal taste and convienience and there is no prudish prejudice against the display of a women’s breast.although in some districts and, particulary among the Kiau Dusuns, unmarried girl will usually wear narrow strip of cloth across the preast,kept in its place by strips coloured rattan*”.

Tulisan Rutter ini meyentuh tentang pakaian dapat menentukan siapa pemakai dan taraf pemakaian itu dalam kelompok masyarakat tersebut. Dari sudut kemasyarakatan, pakaian mempunyai makna simbolik yang membezakan taraf, darjat dan suasana adat istiadat atau pengamal budaya yang menentukan ketua adat / agama, pahlawan, orang bawahan / rakyat atau hamba. Tradsi ini dapat ditentukan melalui warna (bahan) ataupun cara pakaian dipotong atau dipakai.

Menurut Spier (1965,229), pakaian atau *clothing* tidak terikat dengan ciri-ciri sejagat iaitu sebagai bahan perlindungan. Sebaliknya, *Clothing is so a matter of habit that we who are fully clad fail to understand that the unclad are quite inured to climatic extremes*. Spier memberi contoh suku Nevada, walaupun mereka tidak memakai pakaian, tetapi anggota badan disaluti dengan aneka bentuk barang perhiasan. Spier mengatakan bahawa dengan berpakaian tidak mendatangkan sebarang masalah kepada masyarakat mereka kerana berpakaian

merupakan kebiasaan mereka dan sesuai dengan keadaan iklim di kawasan mereka.

Menurut Wahyono (1975,7-12,) mengatakan makna yang lebih luas “pakaian bukan sekadar pakaian” tetapi dilengkapi dengan kesadaran menghias, berdandan, bersolek (*cosmetic fashion*). Pakaian adalah hasil seni (*wearable art or art to wear*) yang dipadankan dengan perhiasan atau barang kemas. Secara menyeluruh, pakaian merangkumi nilai kemasyarakatan dan adat istiadat. *Dress Collection* di Horniman Museum, Foresthill, London menyenaraikan bahan-bahan *clothing* lengkap dengan alatan perhiasan dan barang kemas sebagai bahan *dressing*. Perhiasan yang dimaksudkan ialah hiasan kepala (*hair ornament :turban India, tanjak Melayu*), hiasan jari / cincin, hiasan leher (*necklets*), gelang tangan (makara, kelat bahu), hiasan badan (*armlet*) dan hiasan telinga (*pendent, subang*).

## 2.5 Simbol

Herrick de Regnner memberikan takrif simbol sebagai perbandingan diantara sesuatu yang konkrit dengan sesuatu yang abstrak. Syarat bagi sesuatu perbandingan ialah faktor saranan.

Jacob Korg pula memberikan definisi simbol sebagai a *symbol usually has no physical characteristics at all justify ita abstract meaning*. Simbol merupakan tanda atau lambang yang dapat menyatakan sesuatu. Simbol ini tidak hanya boleh



ditemui secara lahir sahaja tetapi bersembunyi dan tersirat yang memerlukan daya sentiviti yang tinggi untuk memahami sesuatu simbol.

**Simbol sebagai:**

**i. Kuasa dan panghormatan**

Menurut Aziz Deraman, masyarakat Melayu dapat digambarkan sebagai satu piramid besar dimana mempunyai kelas dan lapisan tertentu. Setiap jenis pakaian kepala mencerminkan dengan jelas struktur sosial masyarakat Melayu. Contoh dapat dilihat menerusi bentuk asas destar yang seakan-akan piramid (tiga segi).

**ii. Keperibadian bangsa**

Sama ada sedar atau tidak, destar melambangkan keperibadian bangsa Melayu. Selain daripada ciri-ciri lain mengenali bangsa Melayu, menerusi pakaian kepala dapat mencerminkan nilai, sikap dan pandangan hidup orang Melayu. Kekemasan, kehalusan dan ketelitian ketukangan ciptaan pakaian kepala samada destar atau yang lain menggambarkan sifat orang Melayu yang tidak suka berterus-terang, lemah-lembut dan hidup penuh dengan peraturan.

Pakaian kepala juga adalah manifestasi masyarakat Melayu yang gemar membuat rekaaan dan berkebolehan dalam mencipta sesuatu. Pakaian Melayu juga merupakan simbol kesempurnaan peribadi dan jati diri masyarakat Melayu. Sikap dan sifat orang

Melayu yang ingin sempurna dalam semua aspek hidup merangkumi aspek dunia dan akhirat dapat dilihat daripada tujuan penting penciptaan pakaian kepala mahupun untuk lelaki ataupun wanita.

**iii. Perbezaan kelas**

Masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan utama iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Terdapat perbezaan yang ketara bagi kedua-dua golongan ini iaitu dari segi amalan dan juga gaya hidup. Salah satu aspek yang membezakan antara kedua golongan ini adalah dari segi pakaian. Jenis pakaian yang dipakai termasuk juga pakaian kepala seperti destar bagi tujuan menampakkan perbezaan yang jelas diantara kedua golongan ini.

**iv. Keindahan**

Reka bentuk destar yang dihasilkan oleh orang Melayu memang kaya dengan nilai seni. Bentuk dan rekaan pakaian kepala bukan sahaja indah dipandang mata tetapi juga mempunyai nilai estetika yang dapat dibanggakan. Simbol keindahan pakaian kepala seperti destar dapat ditemui hanya dengan melihat dan menatapinya bentuk tampaknya seperti kekemasan serta kehalusan lipatan dan

sebagainya. Bagi destar, setiap lipatan, garis dan jalinan yang ada pada destar dibentuk dengan indah dan unik sekali.

**v. Daya Kreativiti yang tinggi**

Kebolehan orang Melayu dalam menghasilkan karya seni yang telah sedia ada diketahui dapat dijelaskan lagi dengan meneliti bentuk pakaian kepala seperti destar. Bentuk destar yang tercipta menjadi satu simbol kreativiti dan keintelektualan orang Melayu. Bentuknya bukan sekadar melengkap makna kehidupan tetapi turut mempunyai falsafah yang tinggi.


**vi. Keagamaan**

Pakaian kepala juga mempunyai dan menitikbertkan simbol keagamaan. Simbol keagamaan ini hanya dapat diketahui dengan meneliti bentuk dan rekaan pakaian kepala khususnya destar iatu dari segi luaran dan juga dalaman. Simbol keagamaan ini menggambarkan masyarakat Melayu mencipta sesuatu dengan alasan dan juga menggunakan lambang-lambang yang tertentu iaitu disesuaikan dengan agama yang dianuti oleh mereka.

**vii. Kepahlawanan**

Salah satu simbol yang terjelma daripada bentuk dan rekaan pakaian kepala khususnya destar ialah kepahlawanan. Ini daripada kebiasaan panglima, hulubalang, atau pahlawan Melayu zamam

silam yang sentiasa memakai pakaian lengkap beserta pakaian kepala dan juga senjata seperti keris atau pedang yang tersisip di pinggang.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### KAEDAH KAJIAN

#### 3.0 **Pengenalan**

Kaedah penyelidikan merupakan satu kaedah yang penting dalam menjalankan penyelidikan. Dengan adanya kaedah kajian yang betul dan sahih, maklumat dan data dapat diperolehi dengan tepat dan cepat. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah berbentuk kajian kualitatif. Chua Yan Piaw (2006), membincangkan penyelidikan kualitatif dilaksanakan dalam bidang sains sosial

untuk memahami fenomena dan kebudayaan sosial. Ia direka untuk membantu pengkaji memahami persekitarannya dan menjelaskan fenomena yang sudah dan sedang berlaku. Kepentingan penyelidikan kualitatif ialah melalui penguraian data dalam bentuk teks, pengkaji dapat memahami secara mendalam tentang fenomena dalam kajian. Kaedah penyelidikan kualitatif merangkumi kajian lapangan, kajian tindakan, kajian kes dan kajian sejarah. Kaedah pengumpulan data penyelidikan kualitatif termasuk pemerhatian, temu bual, cacatan dan dokumen teks.

### **3.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Sulaiman Masri (2003), menerangkan pengumpulan data merupakan proses pengukuran (*variable*). Penyelidik boleh memilih prosedur atau teknik serta alat pengumpulan data yang sesuai dengan permasalahan kajian dan strategi penyelidikan, di samping jenis dan kewujudan sumber data. Walau bagaimanapun, prosedur pengumpulan data agak terbatas dan antara prosedur yang digemari dalam penyelidikan ilmiah meliputi pengamatan atau pemerhatian, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penyoalan (soal selidik atau wawancara). Terdapat empat jenis instrument prosedur pengumpulan data iaitu, alat rakaman seperti perakam suara, kertas, pensel. Alat pengumpulan seperti kamera, televisyen, video dan pancaindera.

Kaedah kualitatif mempunyai dua jenis iaitu jenis kaedah primer dan kaedah sekunder. Antara kaedah yang dilakukan adalah seperti kaedah temubual, soal selidik masyarakat, sumber internet, kajian berdasarkan pemerhatian dan maklumat daripada perpustakaan. Biasanya melalui kaedah kajian yang dilakukan tersebut memberikan perbezaan maklumat dan pandangan.

### **3.1.1 Data Primer**

Data primer yang dilakukan oleh pengkaji adalah melalui kaedah temubual, pemerhatian, dan kaedah tinjauan bagi mendapatkan maklumat yang lebih sahih tentang pemakaian semutar. Dengan menggunakan pendekatan tersebut pengkaji dapat melakukan tugas atau kajian dengan lebih mudah dan berkesan.

### **3.1.2 Data Sekunder.**

Data sekunder adalah merupakan kajian-kajian lepas oleh orang terdahulu untuk pengkaji menggunakannya sebagai rujukan ilmiah seperti buku rujukan, latihan ilmiah, majalah, akhbar, kamus dan sumber internet disamping itu juga pengkaji menggunakan kaedah melalui sumber digital atau media elektronik.

## 3.2 Kajian Lapangan

### 3.2.1 Temubual

Kaedah temubual amat penting dalam kajian kerana pengkaji akan mendapat maklumat yang betul dan sahih mengenai kajian yang ingin dijalankan kerana responden mengalami sendiri apa yang telah diceritakan.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), menyatakan salah satu cara yang telah lama digunakan untuk mengukur adalah dengan menggunakan temubual (temuduga, ujian lisan, demonstrasi dan sebagainya). Penyelidik mendapatkan data secara berhubung terus dengan subjek secara bersemuka. Antara kebaikannya ialah kaedah ini fleksible di mana seseorang yang ditemubual boleh menerangkan perkara yang tidak difahami dengan lebih lanjut. Kaedah temubual akan di lakukan di kawasan dimana masih terdapat individu yang masih memakai semutar.

Pengkaji menemuramah responden dengan menggunakan cara menemuramah secara terus tanpa menggunakan soalan yang khusus agar responden tidak merasa terbatas semasa menjawab pertanyaan ditambah pula wujudnya masalah untuk berkomunikasi antara pengkaji dan responden kerana bahasa atau loghat yang digunakan oleh responden kurang difahami oleh pengkaji di samping masalah faktor usia, kerana kebanyakan responden yang di temuramah agak berumur. Selain itu juga dengan menggunakan cara tersebut responden dapat bercerita dengan



lancar dan selesa tanpa sebarang masalah tentang semua yang berkaitan dengan kajian semutar. Semasa menjalankan kajian pengkaji mendapat layanan yang baik dari responden dan setiap pertanyaan yang diajukan dapat dijawab dengan baik oleh responden.

Berdasarkan hasil temubual terhadap responden-responden pengkaji berpendapat bahawa semutar mempunyai pelbagai jenis dan nama dan gelaran yang tersendiri dan mempunyai perbezaan yang jelas di antara fungsi dan kegunaannya.



Gambar 1 : Pengkaji bersama responden iaitu En. Ahmad bin Ramli (Pok Mat)

(Foto diambil oleh Mohd Azan, 10 Okt 2010)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 2 : Pengkaji bersama responden iaitu

Cikgu Mohd Nasir bin Hassan

(Foto diambil oleh Mohd Azan, 17 Okt 2010)



Gambar 3 : Pengkaji bersama responden iaitu

En. Abdullah

(Foto diambil oleh Mohd Azan 15 Oktober 2011)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 4 : Pengkaji bersama responden iaitu

En. Zakaria ( Pok Ya)

(Foto diambil oleh Siti Amirah, 4 Dis 2011)

Senarai nama responden yang ditemui :

1. En. Mohd Nasir bin Hassan, guru Sek. Men. Keb. Badak, Bachok.
2. En Asmawi, guru Sek. Men. Keb. Sering, Bachok dan Penganjur Pameran Semutar Peringkat Negeri Kelantan (2008)
3. En. Ismail bin Idris, petani di Kg. Beris Lalang, Bachok.
4. En. Abdullah bin Awang, nelayan di Pengkalan Petah, Bachok.
5. En. Zakaria bin Mamat, penduduk Kg. Seneng, Jelawat, Bachok.
6. En. Ibrahim bin Awang Teh, tukang atau buruh binaan.

### 3.2.2 Pemerhatian

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), menerangkan salah satu kaedah kajian yang popular ialah membuat pemerhatian menggunakan berbagai-bagai cara catatan bergantung kepada objektif. Penyelidik akan membuat pemerhatian terhadap perlakuan dan tindak balas responden tanpa terlibat secara langsung untuk merangsangkan tindak balas tersebut. Seseorang itu mungkin membuat pemerhatian dari jauh atau berada bersama di dalam kumpulan responden. Kaedah pemerhatian yang digunakan oleh pengkaji adalah melihat sendiri situasi masyarakat di Bandar Kota Bharu dan di perkampungan Bachok dan mendapati hanya segelintir individu sahaja yang masih memakai semutar sebagai pakaian pengikat dan bahan perlindungan dari cuaca panas terik samada sebagai pakaian biasa, pakaian ketika bekerja dan sebagai pakaian untuk melakukan aktiti lain.

Syed Arabi (2002), mendefinisikan pemerhatian ikut serta sebagai satu kaedah yang di dalamnya pemerhati mengikut bersama-sama dalam kehidupan seharian komuniti yang dikaji secara terbuka (dengan memainkan peranan sebagai seorang penyelidik) atau secara tertutup (senyap-senyap dengan memainkan peranan samaran atau pengintip). Data yang dikumpul melalui penyelidikan pemerhatian ikut serta ini lebih bercorak deskriptif daripada bercorak kualitatif. Penyelidikan jenis ini menghendakkan pengkaji melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti, termasuk melihat, mendengar, menyoal dan membuat rakaman.



Gambar 5 : Salah seorang penduduk kampung yang memakai semutar.

(Foto diambil oleh Siti Iryana, 21 Okt. 2010)

### 3.2.3 Kaedah tinjauan

Pengkaji menjalankan tinjauan terhadap penduduk di sekitar Kota Bharu, iaitu di beberapa buah kampung antaranya ialah Kg. Kijang, Kedai Buloh, kawasan berhampiran Pantai Cahaya Bulan dan juga di sekitar kampung yang terdapat di Bachok antaranya Kg. Seneng, Jelawat, Kg. Pengkalan Petah, Kg. Badak, dan Kg. Kemudi. Pengkaji melihat jika masih terdapat nelayan, petani, peraih, tukang atau penduduk sekitar yang masih memakai semutar terutamanya kepada masyarakat yang lebih berumur dan banyak pengalaman. Melalui hasil tinjauan di kawasan kajian pengkaji mendapati hanya terdapat segelintir masyarakat di sekitar tersebut masih memakai semutar sebagai pakaian menutup kepala mereka dari cuaca panas.



Gambar 6 : Majlis Pelepasan Peserta Kota Bharu Beca Treasure Hunt 2009

Sumber : Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan.

### 3.2.4 Sumber Digital

Pengkaji juga menjalankan kajian melalui sumber digital iaitu dengan menggunakan kaedah rakaman bagi memudahkan pengkaji untuk mengumpul maklumat dan menganalisis kajian yang dibuat. Rakaman yang dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang terbaik dan jelas. Rakaman mempunyai pelbagai cara seperti fotografi, buku nota dan lakaran.

### 3.2.4.1 Audio visual

#### a) Kamera / Fotografi

Penggunaan kaedah fotografi iaitu dengan menggunakan kamera digital atau telefon bimbit digunakan untuk mengambil dan merakam gambar-gambar responden semasa membuat demonstrasi melilit dan memakai semutar. Hal ini akan membantu pengkaji dalam memperjelaskan sesuatu maksud, cara dan setiap proses yang dilalui bagi memudahkan proses penulisan kajian dilakukan.

### 3.2.4.2 Konvensional

#### a) Buku catatan

Penggunaan buku catatan bertujuan bagi membantu pengkaji untuk mencatat segala maklumat responden secara lisan, teori atau maklumat secara langsung semasa temubual.

#### b) Ilustrasi

Ilustrasi gambar dibuat untuk memberi gambaran situasi yang berlaku di lokasi kajian semasa dalam proses lakaran idea iaitu berkaitan dengan teknik lilitan dan ikatan semutar.

### 3.3 Kajian Perpustakaan

#### 3.3.1 Sumber Perpustakaan

Kaedah seterusnya pula ialah melalui sumber perpustakaan. Buku- buku rujukan yang diperolehi daripada perpustakaan terdekat. Kebanyakan maklumat yang di perolehi daripada buku dapat membantu pengkaji mencari maklumat terutamanya yang berkaitan dengan tajuk kajian contohnya maklumat tentang pakaian Tradisi Melayu, pemakaian kepala yang lain seperti tengkolok dan pelbagai lagi. Buku-buku rujukan juga dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian secara lebih ilmiah apabila dengan membuat perbandingan antara buku-buku yang diperolehi.



3.71  
Pakaian semutar orang Kelantan. (Ihsan Muzium Negara).

KELANTAN





Gambar 7 dan 8: Pakaian semutar (klasik) masyarakat Kelantan.

Sumber : *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. Perpustakaan Negeri Kelantan

### 3.3.2 Kajian Ilmiah

Kaedah kajian melalui kajian ilmiah adalah seperti mendapatkan bahan rujukan melalui tesis contohnya melalui tesis yang bertajuk *Pakaian Melayu Tradisi - Satu Analisis Transformasi Sejak Dahulu Hingga Kini* yang ditulis dan dihasilkan oleh Noor Azimah Abdullah. Pengkaji dapat mengumpul maklumat dan membuat penambahan dalam menghasilkan kajian dengan berpandukan kajian-kajian ilmiah yang sebelumnya.

### 3.3.3 Akhbar dan Majalah

Dalam kajian ini juga pengkaji turut mendapatkan maklumat melalui penulisan yang terdapat dalam akhbar dan majalah contohnya Akhbar Harian Metro, hasil penulisan Kusyi Hirdan, bertarikh Selasa, 11 Januari 2011, yang bertajuk *Seni Ikat Tengkolok* dan maklumat yang terdapat dalam sebuah majalah hasil terbitan Dewan Budaya. Terbitan Bestari, Dewan Bahasa dan Pustaka, yang ditulis oleh Francis K. (Feb 2011) yang bertajuk *Larangan Gunting Rambut*.

### 3.3.4 Kamus

Pengkaji juga menggunakan kaedah kajian melalui penggunaan kamus iaitu Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga :Kuala Lumpur. dan Kamus yang sama Edisi Keempat untuk mengetahui maksud sesuatu perkataan yang sukar untuk difahami. Contohnya penggunaan kamus dewan untuk menerangkan lebih lanjut tentang sesuatu makna atau perkataan yang sukar untuk difahami.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Penggunaan Semutar**

Penggunaan dan pemakaian kain ikat atau kain lilit kepala atau lebih dikenali dengan nama semutar amat terkenal dalam kalangan kaum lelaki di Kelantan terutamanya masyarakat yang tinggal di kampung-kampung. Semutar kebiasaannya dipakai ketika bekerja yang bertujuan untuk menutup atau melindungi kepala dari panas terik cahaya matahari. Semutar digunakan dengan cara melipat kain yang digunakan menjadi segitiga mengikut rekaan diingini, seterusnya melilit kain tersebut dikepala mengikut jenis lilitan

yang sesuai, kebiasaannya jenis dan cara lilitan semutar tidak terhad dan terbatas sebaliknya terpulang kepada individu untuk mengolah cara lilitan mengikut kehendak masing-masing.

#### 4.1 Jenis Kain atau Fabrik

Dalam penggunaan semutar, jenis kain atau fabrik dapat menentukan ciri-ciri dan fungsi semutar. Jenis kain atau fabrik yang digunakan adalah bebas, tidak seperti memakai tengkolok atau pakaian kepala yang lain yang kebiasaannya menggunakan kain songket. Kain atau fabrik yang sering digunakan dalam pemakaian semutar adalah seperti kain lepas, kain batik dan juga kain tuala. Jika difikirkan, semutar kebiasaannya dipakai oleh rakyat biasa ataupun golongan bawahan untuk dijadikan pakaian ketika bekerja atau sebarang aktiviti lain, oleh itu kain yang digunakan adalah dari jenis kain yang murah dan senang untuk didapati pada satu-satu keka.



Gambar 9 : Kain Batik




Gambar 10 : Kain Kapas

KELANTAN



Gambar 11 : Kain Lepas



Gambar 12 : Kain Tuala

#### 4.2 Jenis-jenis Semutar


Lazimnya semutar juga mempunyai jenis - jenis atau nama tersendiri yang akan membezakan anantara satu sama lain. Nama, jenis dan gelaran bagi sesejenis semutar biasanya diperoleh daripada aspek pekerjaan sipemakai, cara lilitan dan nama yang diberikan sendiri oleh sipemakai disamping gelaran yang diberikan oleh masyarakat sekeliling. Terdapat pelbagai jenis dan nama semutar, antaranya ialah semutar tukang, semutar gaduh atau loghat, semutar anak gayong, semutar pendekar, semutar anak pondok, semutar petani, semutar jangok atau agas.

MALAYSIA

KELANTAN

#### 4.2.1 Semutar Tukang


Semutar ini biasanya dipakai oleh sipemakai yang bekerja sebagai tukang seperti tukang rumah, tukang besi dan tukang kayu. Semutar ini menunjukkan simbol pekerjaan dan kemahiran individu yang mengenakannya.



Gambar 13 : Semutar Tukang

#### 4.2.2 Semutar Gaduh atau Loghat.

Semutar ini dinamakan sebagai semutar gaduh atau loghat kerana ia dipakai dengan solek yang sederhana atau mudah tanpa ada peraturan dari segi jenis ikatan yang tetap. Pemakai yang mengenakan gaya ini dalam keadaan tergesa-gesa dan ingin cepat ke sesuatu tempat untuk sesuatu tujuan yang penting.



Gambar 14 : Semutar Gaduh

### 4.2.3 Semutar Anak Gayong

#### 4.2.3.1 Runduk Penuh

Semutar ini pula dinamakan sebagai semutar anak gayong kerana ia dipakai oleh penuntut muda seni silat mempertahankan diri. Bahagian pucuk di rundukkan penuh kebawah sebagai simbol merendah diri dan juga masih baru dan mentah dalam seni silat.



Gambar 15 : Semutar Runduk Penuh

#### 4.2.3.2 Runduk Hujung

Dipakai oleh penuntut seni Silat yang telah mencapai tahap pembantu jurulatih atau jurulatih ke atas. Bahagian pucuk dirundukkan sedikit sebagai lambang masih merendah diri.




Gambar 16 : Semutar Runduk Hujung

#### 4.2.4 Semutar Pendekar

Semutar ini merupakan simbol kepahlawanan seperti panglima, hulubalang, dan pengiring diraja. Semutar ini dililit lebih tebal sebagai penampang dari serangan kelewang dan kapak bungkus / kapak terbang yang menjadikan kepala sebagai sasaran. Gambar di bawah mempamerkan pakaian rasmi hulubalang Raja Kelantan kuno lengkap dengan semutar masing-masing.






Gambar 17 : Semutar Pendekar

#### 4.2.5 Semutar Anak Pondok

Dipakai oleh penuntut dan guru di sesebuah institusi pengajian islam sekolah agama pondok pada suatu masa dahulu. Bahagian dahi di lebarkan supaya sesuai untuk dibawa bersembahyang. Pakaian tutup kepala sebagai simbol menghormati ilmu yang dianggap suci dan perlu dilindungi. Berbeza dengan semutar Pak Haji yang mempunyai ekor di belakang.



Gambar 18 : Pandangan depan



Gambar 19 : Pandangan sisi

#### 4.2.6 Semutar Jangok atau Agas

Dipakai oleh anak muda untuk acara tertentu seperti majlis kenduri dan keramaian. Mereka yang bersemutar sedemikian bermaksud pasukan kerja yang bertugas seperti penyanggah atau penyambut tetamu di majlis tersebut. Semutar ini diberi nama jangok atau agas kerana sipemakai akan kelihatan segar, tampan dan lebih bergaya dengan lilitan seperti ini.



Gambar 20: Semutar Jangok atau Agas

#### 4.2.7 Semutar Petani

Dipakai oleh petani untuk ke ladang dan sawah. Semutar ini mempunyai cara dan kaedah ikatan yang mudah dengan tetapi dengan simpulan yang kemas, ia juga hampir sama dengan semutar tukang cuma bahagian atasnya terbuka. Semutar ini sememangnya dipakai oleh petani untuk melindungi kepalanya daripada panas terik cahaya matahari.



Gambar 21 : Semutar Petani

#### 4.3 Jenis Ikat dan Lilitan Semutar.



Gambar 22 : Ikat Burung



Gambar 23 : Ikat tukang

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 24 : Ikatán Lilit



Gambar 25: Ikatán Tok Aji

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 26 : Ikatang Jangok atau Agas

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 Cara Melilit dan Mengikat Semutar Petani

1)



Gambar 26 :

Langkah pertama kain dilipat atau digulung mengikut saiz yang diinginkan. Seterusnya kain diregang dan diletakkan dikepala. Kain tersebut juga perlu di seimbangkan iaitu memastikan ukuran panjang kain antara bahagian kiri dan kanan adalah sama panjang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

2)



Gambar 27 :

Seterusnya, hujung kain disebelah kanan diambil lalu disisipkan dengan kemas ke bahagian kiri kepala .

3)



Gambar 28 :

Kemudian, hujung kain disebelah kiri pula diambil dan dibawa ke bahagian kanan kepala.



4)



Gambar 29 :

Kain hujung tadi akan disisipkan dibahagian kanan (belakang) kepala.

5)



Gambar 30 :

Hujung kain yang tertinggal (lebih kain) akan disusupkan di bahagian belakang kepala dengan cara menyelitkan hujung kain tersebut disebalik lipatan kain sebelumnya.

6)



Gambar 31 :

Langkah seterusnya,semutar akan dikemaskan mengikut tahap kesesuaian pemakai.

7)



Gambar 32 :

Semutar Petani yang telah siap dililit dan dipakai.

## 4.5 Fungsi dan Penggunaan Semutar

Seperti yang kita tahu pemakaian semutar dalam masyarakat Kelantan melambangkan pekerjaan sipemakainya. Biasanya semutar akan dibuka semula untuk menyapu peluh atau pun digunakan untuk mengipas badan apabila berehat dari bekerja disamping bertujuan untuk melindungi diri dari panas terik cahaya matahari. Tetapi tanpa kita sedari semutar mempunyai banyak fungsi dan kegunaannya kepada sipemakai. Setiap orang yang memakai semutar mempunyai alasan dan sebab tersendiri dalam pemakaiannya yang secara langsung akan memberi faedah positif kepada mereka. Antara fungsi dan penggunaannya ialah dari aspek :

### 4.5.1 Cuaca

Fungsi utama pemakaian semutar adalah untuk melindungi diri sipemakai daripada unsur alam yang boleh mengganggu kesihatan pemakai ketika bekerja contohnya semutar amat sesuai digunakan oleh nelayan, penarik beca dan petani untuk melindungi kepala daripada pancaran matahari. Semutar juga akan digunakan untuk mengesat peluh dan berfungsi sebagai kipas untuk mengibas angin bagi tujuan untuk menyejukkan suhu badan.

#### **4.5.2 Penampilan diri**

Jika kita lihat keadaan fizikal masyarakat lelaki zaman dahulu, mereka akan menyimpan rambut panjang kerana pada masa itu tahap perkembangan dalam berpakaian atau fesyen belum lagi wujud seperti zaman sekarang. Oleh itu semutar akan digunakan sebagai pelengkap kepada pakaian mereka dimana ia berfungsi sebagai alat untuk menyimpan rambut dan mengemaskan rambut mereka yang panjang serta mengembang apabila ditiup angin. Dengan adanya semutar, penampilan diri mereka akan kelihatan lebih sempurna.

#### **4.5.3 Alat bantuan kecederaan**

Selain itu, semutar juga berfungsi sebagai bahan atau alat pembalut luka kecederaan contohnya akibat luka di medan peperangan ataupun semasa melakukan aktiviti dan kerja seharian. Kain semutar tersebut akan dikoyakkan sedikit dibahagian hujungnya bergantung kepada keadaan kecederaan lalu akan diikat dan diletakkan dibahagian tubuh badan yang luka, kain berguna kerana ia berfungsi untuk menahan kepedihan, menutup dan melindungi ruang luka daripada elemen lain, dan mengurangkan tahap pengaliran darah kerana kain semutar yang biasa digunakan adalah dari kain atau fabrik yang diperbuat daripada kapas contohnya kain batik dan kain tuala.

#### 4.5.4 Senjata dan alat mempertahankan diri.

Semutar bukan sahaja berfungsi dalam aspek pemakain tetapi ia juga berfungsi sebagai alat mempertahankan keselamatan diri. Semutar boleh digunakan sebagai senjata semasa menempuh waktu-waktu kecemasan. Menurut salah seorang responden iaitu Cikgu Mohd Nasir, semutar pada suatu ketika dahulu merupakan senjata mempertahankan bagi seorang pahlawan atau pendekar yang berfungsi ketika sipemakai mempertahankan diri daripada ancaman dan serangan musuh. Semutar biasanya akan dipakai dengan cara melilit kain semutar dengan tebal (banyak kali lilitan) kerana bertujuan sebagai pelindung atau penambang (penangkis), mengilas tikaman serangan pihak lawan yang kebiasaannya menyerang bahagian kepala menggunakan senjata tajam seperti kapak dan beliung. Semutar juga dijadikan sebagai senjata tambahan alam pertarungan. Sipemakai akan menggunakan semutar dengan cara membelit dan menjerut leher pihak lawan (*gedebe –istilah Kelantan*). Semutar juga dikatakan mampu menjadi senjata tersembunyi apabila sipemakai akan meletak dan meletakkan atau menyimpan sebarang bahan yang diperbuat daripada besi dan logam contohnya syiling pada bahagian hujung kain semutar dengan cara menyimpul bahan tersebut yang kemudiannya akan digunakan dengan cara melibas pihak lawan dengan bahagian hujung semutar yang bertujuan untuk mencederakan pihak lawan.

#### 4.5.5 Alat serbaguna

Semutar juga dijadikan alat serbaguna dan “*multifuntion*” dalam aktiviti seharian masyarakat. Semutar biasanya akan dijadikan sebagai kain basahan ketika mandi, alat untuk memikul barang seperti buah-buahan iaitu dengan cara meletakkan barang-barang di bahagian tengah kain dan menyimpulkan kain tersebut dengan cara mengikat empat penjuru kain, kemudian ia akan disangkut dan disandang dibahu. Semutar juga boleh digunakan sebagai sejadah (alas sembahyang) dan pengalas tidur jika dalam keadaan terpaksa. Semutar juga turut digunakan sebagai tempat untuk menyimpan barang - barang berharga seperti wang, barang kemas atau barangan lain iaitu dengan cara menyelitkan barang-barang tersebut di bawah lipatan semutar.

#### 4.6 Analisis Dapatan Umum Penggunaan Semutar

Jadual 1 :

<b>Aspek Kajian</b>	<b>Ciri - ciri</b>
Jenis kain dan fabrik	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kain lepas</li><li>• Kain batik</li><li>• Kain kapas</li><li>• Kain tuala</li></ul>
Jenis - jenis semutar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semutar tukang</li><li>• Semutar gaduh atau loghat</li><li>• Semutar anak gayong</li><li>• Semutar pendekar</li><li>• Semutar anak pondok</li><li>• Semutar jangok atau agas</li><li>• Semutar petani</li></ul>
Jenis ikatan dan lilitan semutar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ikatan burung</li><li>• Ikatan tukang</li><li>• Ikatan tok aji</li><li>• Ikatan jnagok atau agas</li></ul>
Fungsi dan penggunaan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Melambangkan pekerjaan</li><li>• Faktor cuaca</li><li>• Penampilan diri</li><li>• Alat bantuan kecederaan</li><li>• Senjata dan alat mempertahankan diri</li><li>• Alat serbaguna</li></ul>

## 4.7 Dapatan Temubual Bersemuka

4.7.1 Gambar 33 : En Ahmad (Pok Mat), pembawa beca di Bandar Kota Bharu.



Menurut En. Ahmad bin Ramli, 70 tahun atau dengan lebih mesra dengan panggilan 'Pok Mat', beliau memakai semutar kerana ingin menutupi kepala dan melindungi diri daripada cuaca panas terik, menggelap peluh dan kotoran pada badan, mengipas angin (panas), kibas serangga seperti lalat, nyamuk dan langau, memikul barang seperti buah-buahan, penahan darah ketika luka, kain basahan dan banyak lagi.

Beliau juga ada menceritakan tentang pengalaman bekerja sebagai pembawa beca dimana ada ketika sewaktu terdapat satu program pelancongan anjuran Pusat Pelancongan Negeri Kelantan, ada seorang pelancong asing ditemani seorang pemandu pelancong menggunakan perkhidmatan beca beliau untuk mengelilingi pusat Bandar Kota Bharu menanyakan tentang apakah nama



alat yang dipakai dikepala beliau pada waktu itu, dan pelancong asing itu juga ada menyatakan bahawa pakaian kepala tersebut amat menarik dan tersendiri.

Beliau masih memakai semutar kerana sudah menjadi satu kebiasaan dan semutar menyebabkan beliau selesa untuk berkerja kerana terlindung dari cuaca panas terik matahari ketika mencari rezeki, selain itu juga beliau menyukai semutar kerana ia mempunyai banyak jenis dan cara ikatan yang menarik

4.7.2 Gambar 34 : En. Zakaria (Pok Ya), penduduk Kg. Seneng Jelawat, Bachok.



En. Zakaria bin Mamat, atau dikenali dengan panggilan 'Pok Ya' berumur 72 tahun, salah seorang penduduk di Kg. Seneng, Jelawat, Bachok. Beliau adalah bekas petani. Menurutnya, beliau memakai semutar sejak zaman

muda lagi dan beliau bukan sahaja memakai semutar untuk ke sawah sahaja malahan pada setiap waktu tetapi untuk semua aktiviti dan kehidupan harian contohnya untuk pergi ke pasar jelawat, ke rumah jiran, menziarahi saudara mara, bertemu rakan- rakan di kedai kopi malahan jua pada hari raya kecuali ketika hendak bersolat dan tidur.

Pok Mat juga ada mengatakan pemakain semutar baginya menggantikan kopiah, ini kerana beliau berpendapat mengenakan semutar amat selesa. Beliau juga menunjukkan dua jenis lilitan semutar yang selalu dipakainya iaitu semutar 'tok aji' dan semutar 'agas' atau 'jangok'. Pengkaji ada mengutarakan soalan kepadanya iaitu bagaimana jika ada pihak yang memberikan topi atau seumpamanya kepada beliau bagi menggantikan semutarnya, dan beliau dengan yakin menjawab beliau tetap akan memakai semutar hingga akhir hayatnya walaupun apa jua yang berlaku.

4.7.3 Gambar 35 : En. Abdullah bin Awang, nelayan di Pengkalan Petah, Bachok.



En. Abdullah bin Awang, 63 tahun merupakan seorang bekas nelayan di Pengkalan Petah, Bachok. Beliau tidak lagi turun ke laut sejak 5 tahun kebelakangan ini dan hanya menyerahkan kerja kelaut (nelayan) kepada pekerjaanya sahaja dan kini beliau hanya menjalankan perniagaan ketulan ais dan ikan kering yang diusahakan bersama isterinya .

Beliau berkecimpung dalam kehidupan dilaut sebagai nelayan sejak berumur 12 tahun dimana beliau turun ke laut dengan menumpang perahu milik nelayan lain. Sekarang beliau mampu untuk memiliki sebuah bot dan pekerja sendiri (awok - awok) seramai 8 orang, dengan hasil titik peluhnya selama ini, sebagai nelayan yang sudah berpengalaman hampir 50 tahun berlayar di laut, pelbagai cerita dan pengalaman pahit dan manis

belaiu yang boleh dikongsikan bersama terutamanya berkenaan dengan pemakaian semutar.


Menurut beliau, pada zaman dahulu tidak terdapat alat dan pakaian khas untuk melindungi kepala seperti zaman sekarang, semutar pada masa tersebut merupakan keperluan yang amat penting dan berguna baginya terutama apabila terpaksa berhujan panas ditengah laut untuk mencari rezeki utuk keluarga. Beliau juga ada mengatakan bahawa semutar bukan sahaja berperanan sebagai pelindung dari terik cahaya matahari tetapi mempunyai banyak kegunaan lain antaranya ialah untuk membungkus bekas makanan untuk bekalan semasa di laut, mengesat, menyapu peluh dan percikan air laut, membalut luka dan kecederaan, pengalas tempat tidur ketika bermalam diatas bot ditengah laut dan juga sebagai kain basahan.

4.7.4 Gambar 36 : En. Mohd Nasir bin Hassan, guru Sek. Men. Keb. Badak, Bachok.



En. Mohd Nasir Bin Hassan merupakan seorang guru yang mengajar di Sek. Men. Keb. Badak. Beliau juga merupakan pemilik dan penulis blog berkaitan semutar. Beliau juga adalah peminat dan pengumpul barang-barang warisan seperti senjata dan sebagainya. Menurut Cikgu Nasir semutar adalah pakaian ikat kepala bagi golongan bawahan atau rakyat biasa . Semutar yang dipakai lebih kepada pakaian pekerjaan yang bersesuaian dengan situasi dan keadaan iaitu untuk melindungi diri daripada cuaca panas. Kain semutar yang biasa digunakan adalah seperti kain batik dan kain tuala. Beliau juga mengatakan bahawa semutar juga dijadikan sebagai alat serbaguna. Nama dan gelaran setiap semutar akan diberikan berdasarkan jenis pekerjaan dan mengikut nama yang diberikan oleh sipemakai.

4.7.5 Gambar 37 : En. Ismail bin Idris, petani di Kg. Beris Lalang, Bachok.



En. Ismail bin Idris atau dikenali dengan nama 'Pok Mail' bekerja sebagai petani di tanah miliknya sendiri dan kadangkala ada juga mengambil upah bercucuk tanam ditanah orang lain. Seperti mana responden lain Pok Mail juga memakai semutar dalam setiap aktiviti hariannya terutamanya ketika bekerja di kebun dan ladang. Menurut Pok Mail, beliau selesa memakai semutar berbanding material lain seperti topi dan sebagainya disebabkan oleh faktor kebiasaan sejak lama dahulu disamping faktor keselesaan. Katanya walaupun terdapat banyak material lain di pasaran dan dijual dengan harga yang murah beliau tetap setia menggunakan semutar terutamanya lilitan kain tuala dan kain lepas.

Baginya melilit kepala dengan kain tuala berbanding memakai topi lebih baik kerana tuala merupakan sejenis kain yang lembut dan sejuk tidak seperti topi yang diperbuat daripada plastik dan sebagainya. Selain itu juga, beliau ada mengatakan kain semutar yang dipakainya mempunyai banyak kegunaan lain dan tidak terbatas hanya untuk melindungi kepala

dari terik pancaran matahari tetapi juga boleh digunakan untuk mengelap dan mengesat peluh di muka, digunakan sebagai kain basahan, mengangkat buah - buahan, mengibas - ngibas (kipas) untuk mendapatkan angin apabila panas dan banyak lagi.



#### 4.8 Analisis Dapatan Temubual Bersemuka

Jadual 2 :

Responden / Aspek Kajian	Responden 1
	Pok Mat
Biodata / Latar Belakang	Nama : Ahmad bin Ramli Umur : 70 tahun Tempat Tinggal : Kg. Bunut Payong, Pasir Hor Pekerjaan : Pembawa Beca
Sebab utama memakai semutar	Menutup kepala
Sebab dan kegunaan lain	Melindungi kepala dari panas terik, mengelap peluh dan kotoran pada badan, mengibas angin (panas), kain untuk memikul barang, penahan darah semasa luka dan cedera dan juga sebagai kain basahan.
Pengalaman tentang semutar	Mendapat pujian dari pelancong asing, pemakaian semutar adalah menarik dan tersendiri.
Pendapat berkaitan semutar	Merupakan satu kebiasaan, selesa memakai semutar ketika bekerja, menyukai cara dan ikatan semutar yang menarik, sayangkan seni warisan bangsa.
Pilihan jika diberikan material lain	Tetap dan terus setia memakai semutar



**Jadual 3 :**

<b>Responden</b>  <b>Aspek Kajian</b>	<b>Responden 2</b>
	<b>Pok Ya</b>
Biodata / Latar Belakang	Nama : Zakaria bin Mamat Umur : 72 tahun Tempat Tinggal : Kg. Seneng, Jelawat. Pekerjaan : Petani
Sebab utama memakai semutar	Menutup kepala, keselesaan dan kebiasaan sejak muda
Sebab dan kegunaan lain	Ikut dan pelindung kepala untuk ke sawah, melindungi kepala dari panas terik, mengelap peluh, mengibas angin (panas); kain basahan.
Pengalaman tentang semutar	Memakai semutar pada setiap hari, walaupun pada hari raya, kecuali waktu bersolat dan tidur sahaja.
Pendapat berkaitan semutar	Memakai semutar seperti menggantikan kopiah dan memakai semutar amat menyelesaikan.
Pilihan jika diberikan material lain	Tetap memakai semutar hingga akhir hayat walau apa jua yang berlaku

**Jadual 4 :**

<b>Responden</b>	<b>Responden 3</b>	
	<b>Aspek Kajian</b>	<b>Encik / Cik Lah</b>
Biodata / Latar Belakang	Nama : Abdullah bin Awang Umur : 63 tahun Tempat Tinggal : Kg. Pengkalan Petah, Bachok Pekerjaan : Bekas Nelayan, Usahawan Ais dan Ikan Kering	
Sebab utama memakai semutar	Menutup dan pelindung kepala	
Sebab dan kegunaan lain	Melindungi kepala dari panas terik, mengelap peluh dan percikan air laut, , kain untuk memikul barang, membungkus bekas dan bekalan makanan, penahan darah semasa luka dan cedera kain, pengalas tempat tidur, dan juga sebagai kain basahan.	
Pengalaman tentang semutar	Dahulu semutar merupakan sesuatu yang penting dan menjadi keperluan asas ketika bekerja.	
Pendapat berkaitan semutar	Dalam kehidupan nelayan kini, semutar tidak lagi digunakan kerana adanya material yang lebih sesuai dan tahan lasak (tidak basah).	
Pilihan jika diberikan material lain	Terima segalanya, kerana sememangnya kini, beliau jarang menggunakan semutar.	

**Jadual 5 :**

<b>Responden</b> <b>Aspek</b> <b>Kajian</b>	<b>Responden 4</b>
	<b>Cikgu Nasir</b>
Biodata / Latar Belakang	Nama :Mohd Nasir bin Hasssan Umur : 45 tahun Tempat Tinggal : Kg. Badak, Bachok. Pekerjaan : Guru di Sek.Men. Keb. Badak.
Sebab utama memakai semutar	Hanya untuk pengetahuan dan pengalaman peribadi
Sebab dan kegunaan lain	Membuktikan kepada masyarakat sekeliling bahawa beliau tahu tentang semutar dan tahu cara memakainya.
Pengalaman tentang semutar	Memakai semutar sebagai melengkapkan bukti, bahan dan rujukan dalam dalam blog peribadinya tentang pemakaian semutar dan pengumpul barang - barang warisan lain.
Pendapat berkaitan semutar	Semutar merupakan pakaian ikat kepala golongan bawahan (rakyat biasa) dan kebiasaannya semutar melambangkan pekerjaan sipemakai.
Pilihan jika diberikan material lain	Boleh menerima material lain, tetapi beliau berpendatan mengekalkan ciri - ciri semutar sebenar adalah lebih menarik contohnya dari aspek cara ikatan.

**Jadual 6 :**

Responden / Aspek Kajian	Responden 5
	Pok Mail
Biodata / Latar Belakang	Nama : Ismail bin Idris Umur : 59 tahun Tempat Tinggal : Kg. Kemudi, Bachok Pekerjaan : Petani
Sebab utama memakai semutar	Menutup dan pelindung kepala
Sebab dan kegunaan lain	Melindungi kepala dari panas terik, mengelap peluh, alat untuk memikul buah dan sayur, membungkus bekas dan bekalan makanan, mengibas (panas), penahan darah semasa luka dan cedera, dan juga sebagai kain basahan.
Pengalaman tentang semutar	Pulang semula ke rumah untuk mengambil semutar apabila terlupa memakai smutar. Tidak selesa bekerja apabila tidak memakai semutar.
Pendapat berkaitan semutar	Memakai semutar lebih selesa lebih selesa berbanding memakai topi dan sebagainya kerana semutar banyak kegunaan lain.
Pilihan jika diberikan material lain	Terus akan memakai dan menggunakan semutar seperti sedia kala.

#### 4.9 Rumusan Dapatan Temubual Bersemuka

**Jadual 7:**

<b>Aspek Kajian</b>	<b>Rumusan</b>
Sebab utama memakai semutar	Menutup kepala
Sebab dan kegunaan lain	Pelindung cuaca panas, mengelap peluh
Pengalaman tentang semutar	Berkaitan dengan pekerjaan dan cara hidup
Pendapat berkaitan semutar	Lebih selesa
Pilihan jika diberikan material lain	Terus setia memakai semutar

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Rumusan

Pakaian tradisional Melayu sering diperkatakan dalam pelbagai forum dan sentiasa menjadi perhatian istimewa apabila diadakan sesuatu majlis keramaian, adat istiadat, persembahan, pertunjukan fesyen dan sebagainya. Namun demikian, pendokumentasian yang lengkap dan kemas mengenai pakaian kepala masyarakat Melayu khususnya semutakhir masih lagi terbatas. Terdapat banyak faktor mengapa ini berlaku. Antaranya ialah tradisi masyarakat Melayu dahulu yang kurang menumpukan perhatian untuk merekodkan perihal pemakaian mereka, lebih-lebih lagi pakaian harian yang tidak melibatkan golongan istana. Sebagaimana dalam hal-hal lain, perkara-perkara mengenai pakaian juga jarang-jarang direkodkan

dalam bentuk tulisan dan fakta, tetapi hanya diturunkan kepada pewaris adat seperti anak-anak, masyarakat dan golongan tertentu secara lisan dan amalan sahaja yang kebiasaannya tidak dapat bertahan lama. Keadaan semakin bertambah buruk apabila munculnya barangan dan produk baru dipasaran yang mempunyai ciri dan fungsi yang sama dengan semutar, selain daripada faktor tuntutan fesyen terkini dan lebih canggih telah mengakibatkan pemakaian semutar semakin dilupakan.

Sehingga kini tidak ada sebuah institusi yang benar-benar komited untuk mendokumentasikan mengenai keseluruhan aspek pakaian tradisional Melayu terutamanya semutar. Begitu juga dengan golongan karyawan, budayawan dan sejarawan, mereka kurang menumpukan perhatian terhadap aspek ini. Dalam hal ini pengkaji dapat mengatakan bahawa pihak berwajib iaitu badan-badan kerajaan seperti pihak Muzium juga masih belum memainkan peranan secara keseluruhan dalam usaha mengumpul dan memelihara pelbagai khazanah terutamanya dalam konteks pakaian tradisional Melayu. Usaha sebegini penting untuk tujuan panduan dan kegunaan generasi masa hadapan serta bertujuan untuk dimanfaatkan oleh setiap golongan masyarakat khususnya para pelajar, penyelidik dan para pencinta budaya disamping berfungsi untuk memperkenalkan tradisi yang menjadi kebanggaan masyarakat, Melayu pada suatu ketika dahulu kepada generasi pelapis khususnya golongan muda.

Walaupun masyarakat sekarang berlumba-lumba mengejar kemajuan dan pemodenan, kita tidak seharusnya melupakan satu daripada seni warisan yang dimiliki oleh nenek moyang kita dahulu iaitu dalam aspek pemakaian semutar, disamping usaha untuk memperkukuhkan lagi identiti dan keistimewaan bangsa Melayu dimata dunia.

### **5.1 Cadangan dan Saranan**

Kita tidak seharusnya membiarkan sesuatu perkara yang bakal melenyapkan budaya warisan kita berleluasa tanpa adanya tindakan untuk mempertahankannya. Kesedaran perlu dikembalikan semula demi mengekalkan identiti dan jati diri bangsa Melayu. Bagi mengekal dan memperkukuhkan seni warisan Melayu pelbagai langkah dan cara yang patut diambil dan dilaksanakan untuk memulihkan semula budaya tradisi yang kian terhakis dalam zaman moden ini ialah seperti usaha oleh pihak kerajaan, media massa, dan yang paling penting kesedaran bangsa Melayu itu sendiri dalam usaha menghidup dan memperkenalkan semula pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat khususnya golongan muda.



### **5.1.1 Seminar**

Pihak berwajib seperti badan-badan awam mahupun swasta haruslah peka dan aktif dalam melakukan aktiviti dan perancangan contohnya mengadakan seminar terbuka kepada masyarakat berkaitan dengan pemakaian Melayu khususnya semutar bertujuan untuk memberi pendedahan berilmu tentang kepentingan serta keistimewaan identiti bangsa Melayu.

### **5.1.2 Pertandingan**

Selain itu, pihak tertentu seperti badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga boleh menganjurkan sebarang pertandingan dalam kalangan masyarakat contohnya pertandingan 'Ikatan Semutar' yang bertujuan mencungkil dan mencari semula sejarah dan permulaan bagi bangsa Melayu yang dilakukan untuk memelihara adat pemakaian tradisi masyarakat melayu khususnya semutar.

### **5.1.3 Peranan Muzium**

Pihak kerajaan khususnya muzium haruslah memainkan peranan utama dalam mengekalkan jati diri bangsa Melayu dengan cara mengadakan pameran atau pertunjukkan (galeri) untuk info dan maklumat kepada masyarakat sekeliling seperti mengumpulkan koleksi dan maklumat tentang semutar.

#### **5.1.4 Media Cetak (Penerbitan)**

Pihak tertentu seperti pihak penerbitan harus bertindak pantas dengan menghasil dan mengeluarkan sebarang buku atau bahan bacaan yang berkaitan dengan semutar untuk dijadikan bahan rujukan masyarakat khususnya pelajar.

#### **5.1.5 Institusi Pendidikan**

Institusi pendidikan seperti sekolah, universiti haruslah memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang kesenian warisan bangsa melayu khususnya pemakaian semutar bagi mengelakkan tradisi melayu terus diabaikan.

#### **5.1.6 Media Elektronik**

Media elektronik harus bijak mengatur strategi dalam menghasil dan mengeluarkan bahan elektronik yang mempunyai ciri-ciri keilmuan dan nilai positif contohnya menghasilkan animasi dan video bersifat keilmuan contohnya dalam kartun wayang kulit.

#### **5.1.7 Sektor Pelancongan**

Sektor ini juga bertanggungjawab dalam mempertahankan warisan bangsa contohnya dengan menitikberatkan aspek warisan dalam sektor pelancongan khususnya pemakaian semutar oleh pembawa beca, pemandu pelancong, pemain alat muzik, peserta pertandingan dan persembahan.

### **5.1.8 Sektor Pengeluaran dan Pemasaran**

Sektor pengeluaran dan pemasaran khususnya dalam konteks warisan hendaklah sentiasa mengambil peluang dan peka terhadap keadaan sekeliling iaitu dengan cara mengambil inisiatif dengan mengelurakan produk dan barangan warisan contohnya semutar untuk dikomersilkan ke peringkat antarabangsa sama seperti produk cenderahati dan kraftangan warisan lain.

### **5.1.9 Peranan Media Elektronik**

Media elektronik juga adalah sama fungsinya dengan media cetak iaitu mempunyai kuasa pengaruh yang amat kuat ke atas masyarakat masa kini. Loeh itu media elektronik hendaklah memanfaatkan sepenuhnya keistimewaan itu. Kempen - kempen menyintai pakaian tradisi bangsa khususnya semutar perlu dilakukan sekerap yang boleh agar ia dapat mendidik masyarakat mengenali, menyayangi, dan tidal membiarkan ia lupuk di zaman.

Radio, televisyen dan yang terkini internet ialah antara sumber maklumat yang dimiliki setiap orang untuk mengikuti perkembangan semasa yang berlaku samada di dalam atau diluar negara. Dengan menyiarkan maklumat tentang warisan budaya selama satu jam setiap minggu contohnya sudah memadai dan turut mempopularkan kembali pemakaian semutar.

## 5.2 Kesimpulan

Sesungguhnya setiap pihak mempunyai peranan penting dalam mempertahankan salah satu tradisi budaya Melayu ini iaitu seni pemakaian semutar. Dalam hal ini, kesedaran jati diri bangsa Melayu adalah faktor terpenting dalam memperjuangkan warisan bangsa Melayu.

Pihak - pihak lain seperti kerajaan, pertubuhan badan - badan bukan kerajaan, pemimpin, cendikiawan, artis, institusi pendidikan, pelajar, individu perseorangan atau sesiapa sahaja harus bertindak tangkas untuk menjadi pelopor ke arah mempopularkan kembali pemakaian semutar.

Tidaklah terlalu lewat bagi kita untuk melakukan satu pemikiran semula tentang pembangunan kebudayaan bangsa Melayu secara keseluruhan dan dalam perhubungan politik, ekonomi dan social. Pembangunan kesenian menjadi suatu dimensi penting kebudayaan bangsa.

## BIBLIOGRAFI

### Buku :

- Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi.(2003). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd. Nefi Imran.(2004).*Busana Melaka*.Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA).
- Asmad .(2003).*Kelantan,Siri Lambaian Nusa*.Kuala Lumpur:Associated Educational Distributors (M) Sdn.Bhd.
- Azah Aziz .(2006).*Rupa dan Gaya - Busana Melayu*.Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz Deraman.(1975).*Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*.Kuala Lumpur.Kementerian Kebudayaan ,Belia dan Sukan.
- Dato' Hajah Ramlah Abas, Datin Dr. Rohani Hussin dan Prof. Madya Sharifah Alwiah Syed Sahil.(2003).*Busana Melayu Melaka Warisan Bangsa*.Institut Kajian Sejarah & Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Georgia Scoot.(2003).*Headwraps*.New York:PublicAffairs.
- Hamidah Husain dan Mohamed Roselan Malek.(1995).*Pakaian dan Perhiasan Tradisional*.Petaling Jaya:Prima Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga :Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat :Kuala Lumpur
- Siti Zainon Ismail.( 2009).*Pakaian Cara Melayu*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Ahmad Jamal.(1992).*Rupa dan Jiwa*.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mahadzir.(2009).*Siri Khazanah Budaya - Busana dan Seni Bina Melayu*.Kuala Lumpur:E1 Publication Sdn.Bhd.

Wan Yahaya Abdullah.(2004).*Destar - Warisan Malaysia:Koleksi Terpilih*.Kuala Lumpur:Jabatan Muzium dan Antikuti Malaysia.

Zubaidah Shawal.(1994).*Busana Melayu*. Kuala Lumpur:Jabatan Muzium dan Antikuti Malaysia.

Aziz Deraman.(1975).*Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*.Kuala Lumpur.Kementerian Kebudayaan ,Belia dan Sukan.

### **Artikel**

*Ikatan Kepala Melayu*. artikel yang tersimpan di Perpustakaan Muzium Negara. tanpa tarikh dan penulis.

*Tengkolok dan Pengertiannya*. artikel yang tersimpan di Perpustakaan Muzium Negara. tanpa tarikh dan penulis.

### **Tesis :**

Noor Azimah Abdullah.*Pakaian Melayu Tradisi - Satu Analisis Transformasi Sejak Dahulu Hingga Kini*.

Siti Zainon Ismail.(1979).“Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi.Satu Kajian Tentang Bentuk dan Ragam Hias dalam Seni Tembikar, Anyaman dan Tekstil.”.Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rodziah Mat,“*Tengkolok: Kajian Dari Segi Reka Bentuk dan Simbol*”.Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera.

**Akhbar dan Majalah :**

Kusyi Hirdan.(Selasa, 11 Januari 2011).*Seni Ikat Tengkolok*.Harian Metro.

Zainu'l Azhar Ash'ari.(Selasa, 5 April 2011).*Tengkolok Warisan Bangsa*.Utusan Malaysia.


Francis K.(Feb 2011).*Larangan Gunting Rambut*.Dewan Budaya.Terbitan Bestari, Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Kajian lapangan :**

- Temu bual dengan En Mohd Nasir Hassan, Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Badak, Bachok, Kelantan yang juga merupakan pemilik dan penulis laman blog Semutar.
- Temubual melalui telefon dengan En Aswawi Hamzah, Penganjur Pameran Semutar Peringkat Negeri Kelantan (2008).
- Temubual dengan En Zulkifli Bin Salleh, Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Badak, Bachok, Kelantan.
- Temu bual dengan Pak Cik Mamat, salah seorang pembawa beca di Bandar Kota
- Temubual dengan En. Zakaria, penduduk Kg. Seneng, Jelawat, Bachok.
- Temubual dengan En. Ismail bin Idris, petani di Kg. Beris Lalang, Bachok.
- Temubual dengan En. Abdullah bin Awang, nelayan di Pengkalan Petah, Bachok.
- Temu bual dengan En Ibrahim Awang Teh, tukang rumah dan buruh binaan.

## LAMPIRAN

f



KELANTAN



